

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latarbelakang Kajian

Komunikasi merupakan satu proses di mana manusia menghantar dan menerima mesej. Ini juga bermakna, komunikasi boleh juga didefinisikan sebagai satu proses di mana manusia berkongsi pendapat, informasi mahu pun perasaan. Terdapat beberapa definisi komunikasi yang diberi oleh penulis terdahulu, di antaranya Byrnes (1975) dipetik dalam Abdul Mua'ti (2001) menyatakan bahawa komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai objektif seperti bertukar-tukar maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk mahupun menukar keadaan fizikal dan mental manusia. Hybels dan Weaver (1992) pula mentakrifkan komunikasi sebagai proses perkongsian maklumat, pendapat dan perasaan dari individu kepada individu yang lain. Abrams (1986) dipetik dalam Abdul Mua'ti (2001) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses yang berterusan iaitu berlaku proses pemindahan maklumat dan maklum balas daripada penutur kepada penerima.

Berdasarkan kajian komunikasi kanak-kanak, pendekatan interaksi–fungsional oleh Halliday (1975) menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari makna bahasa disebabkan terdapat hubungan sistematik yang selari dengan apa yang didengari oleh mereka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Tujuan kanak-kanak berkomunikasi, wujud secara semula jadi daripada sistem andaian dan pemahaman yang terhasil daripada kenalaran dan ritual pada proses pembelajaran awal mereka

(Cook and Gumperz, 1977). Kebiasaannya kanak-kanak berkomunikasi dengan tujuan untuk menyatakan sesuatu hasrat yang terpendam dalam hati mereka. Contohnya seperti menyatakan sesuatu, mengarah ataupun membuat permintaan.

Berdasarkan teori perkembangan Kognitif Piaget (1896-1980), perkembangan kognitif kanak-kanak berubah mengikut perkembangan usia mereka. Piaget memberikan empat tahap perkembangan iaitu tahap Deria Motor, 0 hingga 2 tahun, tahap Pra Operasi, 2 hingga 7 tahun dan tahap Operasi Konkrit, 7 hingga 12 tahun serta tahap Operasi Formal, selepas 12 tahun. Pada peringkat Deria Motor, kanak-kanak mula menggunakan deria untuk memahami dan berinteraksi dengan persekitaran. Ketika mereka berumur 4 hingga 8 bulan, berlaku daya koordinasi di antara penglihatan dan sentuhan. Apabila berusia 1 tahun kanak-kanak mula menyedari terdapat objek-objek lain dalam persekitarannya. Pada akhir umur 2 tahun, mereka mula mempelajari bahasa dan lambang yang mudah.

Di peringkat Pra Operasi, kanak-kanak mampu menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep. Apabila mencapai usia 4 tahun, kanak-kanak boleh bertutur dengan fasih dan perkembangan kognitifnya semakin pesat. Piaget (1926) menyatakan bahawa pemikiran kanak-kanak pada peringkat ini adalah bersifat egosentrik iaitu berfikir berdasarkan pandangan dirinya sahaja dan tidak berupaya melihat pandangan orang lain. Pada akhir peringkat ini mereka berupaya memberi sebab untuk menyokong kepercayaan mereka, mengelaskan objek mengikut ciri tertentu dan memahami konsep pengabadian bilangan.

Pada peringkat Operasi Konkrit pula, iaitu antara usia 7 sehingga 12 tahun, Piaget mendapati bahawa egosentrik kanak-kanak mula lupus secara beransur-ansur. Pada masa yang sama mereka memperolehi konsep transformasi, menguasai proses kebalikan dan mengamati proses songsangan. Di samping itu, kanak-kanak pada tahap ini mempunyai kebolehan mengelas, menyusun dan membezakan objek-objek. Mereka juga memahami arithmetik asas, jisim, panjang, sifat transitif dan proses matematik. Walau bagaimanapun, keupayaan berfikir secara logik adalah terbatas kepada secara konkrit dan pengalaman secara langsung sahaja. Peringkat yang terakhir, iaitu peringkat Operasi Formal, bermula dari usia 12 tahun dan perkembangan kognitif mencapai kemuncaknya pada penghujung usia 16 tahun. Pada peringkat ini, remaja telah boleh berfikir secara abstrak dan berkemampuan untuk menyelesaikan masalah secara lebih kompleks.

Menurut Miller (1979), kanak-kanak pada peringkat usia 4 tahun, sudah mampu menguasai kosa kata, tatabahasa, semantik, pragmatik serta wacana yang berkaitan dengan pengalaman mereka sehari-hari. Pada tahap ini juga, kanak-kanak memperoleh semua bahasa yang didengarnya berdasarkan faktor persekitaran seperti keluarga dan tempat mereka dibesarkan. Mereka melakukan pelbagai perkara dengan sendiri secara kreatif. Perkara ini adalah didorong oleh naluri semulajadi atau kadangkala dipengaruhi oleh apa yang dilihat di sekeliling mereka, termasuklah meniru gaya pertuturan orang yang paling rapat dengan mereka seperti rakan-rakan atau '*peers*'.

Namun begitu pada peringkat awal usia prasekolah, kanak-kanak dikatakan menghadapi masalah atau kesukaran dalam menyampaikan makna atau mesej kepada pendengar nya oleh kerana pencapaian linguistik dan kebolehan kognitif mereka yang

rendah. Menurut Kow (2000), kesukaran-kesukaran ini adalah seperti kurangnya pengetahuan tentang penggunaan sesuatu perbendaharaan kata dan tatabahasa yang diperlukan bagi membentuk sebuah ayat yang lengkap, mempunyai sifat malu dan perasaan cepat bosan pada sesuatu perkara di kalangan kanak-kanak.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa kanak-kanak biasanya akan menggunakan sesuatu strategi yang dinamakan sebagai strategi komunikasi, untuk menyampaikan maksud dan memastikan pendengar nya menerima mesej yang hendak disampaikan. Menurut Selinker (1972), strategi komunikasi bermaksud suatu pendekatan atau langkah yang diambil oleh seseorang apabila cara berkomunikasi yang biasa dilakukannya, tidak dapat difahami oleh pendengarnya. Di antara beberapa pengkaji yang menjalankan kajian yang mempunyai kaitan dengan strategi komunikasi adalah Kow (2000), Bialystok (1990), Faerch dan Kasper (1983), Tarone (1980), Potts, Cocking, Carlson and Copple (1979), Dore (1975). Contohnya, hasil kajian Potts, Cocking, Carlson and Copple (1979) telah menunjukkan bahawa pengulangan, '*labelling*' atau melabelkan seseorang dengan sesuatu nama dan menjawab dengan jawapan '*I don't know*' adalah antara beberapa contoh strategi komunikasi yang telah digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian mereka bagi menyampaikan makna.

Menurut Kow (2000) kebanyakan kajian tentang strategi komunikasi menganggap bahawa terdapat lebih banyak masalah atau kesukaran dihadapi oleh penutur bahasa kedua atau '*L2*' dalam menyampaikan maksud berbanding penutur bahasa pertama atau '*L1*' kerana penutur bahasa kedua mempunyai sumber (bahan yang boleh dijadikan tumpuan untuk mendapatkan pertolongan) yang kurang.

Walaupun bagaimanapun, adalah didapati bahawa strategi komunikasi tidak khusus untuk penutur bahasa kedua sahaja (Kow, 2000).

1.1 Permasalahan Kajian

Fokus utama dalam kajian ini adalah membincangkan aspek strategi komunikasi kanak-kanak Jepun. Sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa pendidikan awal kanak-kanak Jepun prasekolah iaitu tadika (*kindergarten*) dan taska (*daycare centres*) merupakan perkara paling penting dalam sistem peralihan dari rumah ke alam persekolahan (Ben-Ari, 1997; Lewis, 1995; Peak 1991). Menurut Ben-Ari (1997), tadika-tadika Jepun mempunyai tujuan untuk memupuk sikap, kemahiran peribadi serta keupayaan kanak-kanak sebagai satu kemahiran asas untuk mereka belajar bekerjasama dan berfungsi di dalam sebuah kumpulan khususnya, guru-guru mensosialisasikan kanak-kanak untuk menggalakkan mereka berkongsi sumber yang terhad dan berbincang mengenai aktiviti mereka yang seterusnya dengan rakan sebaya (Lewis, 1995 dalam Burdelski, 2010).

Namun begitu, Holloway (2000) dan Tobin et al. (1989) menyatakan bahawa

‘Walaupun mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan organisasi, matlamat dan nilai-nilai yang dipupuk di dalam prasekolah Jepun, kita mempunyai kurang pengetahuan tentang bagaimana proses sosialisasi berlaku dalam kalangan kanak-kanak Jepun ini, iaitu aspek kemahiran pragmatik yang merupakan satu asas kehidupan sosial’ .

Menurut Burdelski (2010), apa yang diperlukan ialah sebuah analisis integrasi strategi lisan dan bukan lisan dalam sosialisasi kanak-kanak Jepun di dalam kehidupan rutin mereka. Menurutnya, amat penting untuk melihat bagaimana strategi-strategi ini dapat membantu untuk membentuk penglibatan kanak-kanak di dalam rutin kehidupan seharian mereka dan keupayaan mensosialisasikan rakan-rakan mereka ke dalam kumpulan mereka. Hasil kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji di atas telah mendorong penulis untuk melihat proses sosialisasi kanak-kanak Jepun yang tinggal di Malaysia melalui strategi komunikasi (lisan dan bukan lisan) yang digunakan oleh mereka untuk menyampaikan makna ketika bermain.

1.2 Kepentingan Kajian

Seorang antropologis British, Edward Taylor pada abad ke-19 (1871) telah mendefinisikan budaya sebagai keseluruhan yang kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, undang-undang, moral, adat dan sebagainya yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Corak budaya yang berbeza antara Malaysia dan Jepun sudah pasti memberi kesan kepada keseluruhan aspek kehidupan kedua-dua masyarakat tersebut.

Jepun sebagai sebuah negara yang berjaya membangunkan bangsanya dengan menitikberatkan sistem pendidikan awal kanak-kanak. Pendidikan dalam usia awal memainkan peranan penting dalam membentuk kanak-kanak agar mereka dapat lebih bersedia menghadapi dunia pada era globalisasi ini. Berdasarkan kajian-kajian lalu, pendidikan awal kanak-kanak di antara usia 3 hingga 6 tahun adalah penting dalam

menyumbang kepada perkembangan awal mereka yang meliputi aspek perkembangan mental (kognitif), emosi dan sosial serta bahasa.

Kenapa kajian ini memilih kanak-kanak prasekolah Jepun? Jepun dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai nilai dan etika yang positif yang turut dicontohi oleh Barat bahkan Malaysia. Mengimbas kembali pengenalan Dasar Pandang Ke Timur oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1981 beliau menyatakan bahawa;

“We want to learn how the Japanese (and the Koreans) have been able to advance so fast, without losing their cultural identity. The factors that we discover like the good work ethic, extremely close co-operation between the public and private sectors, very good rapport between managers and workers, loyalty to company through to nation, are qualities which we should want to inculcate. We still have a lot to learn.”

(New Straits Times, 1 January, 1985)

Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan dengan memberi penekanan kepada konsep kerajinan dan disiplin kerja, kesetiaan kepada negara, organisasi dan tempat kerja, keutamaan kepada kumpulan dan bukan kepada diri sendiri, penekanan terhadap daya pengeluaran dan kualiti yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan jurang perbezaan dan pemisahan antara eksekutif dengan pekerja am dan sistem pengurusan. Konsep keharmonian atau *wa* merupakan salah satu identiti sosial bagi masyarakat Jepun dan secara langsung memberikan keunikan dan perbezaan antara masyarakat Jepun dengan masyarakat lain di dunia. Maka sebagai satu kesinambungan daripada

Dasar Pandang ke Timur, kajian tentang strategi komunikasi kanak-kanak prasekolah Jepun dapat membantu merealisasikan dasar ini dengan menambahkan lagi pengetahuan masyarakat Malaysia umumnya, pihak kerajaan dan swasta khususnya, mengenai komunikasi kanak-kanak prasekolah Jepun.

Berdasarkan Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Jepun (MEXT), dalam Artikel 77, *School Education Law* menggariskan asas pendidikan prasekolah Jepun adalah bertujuan untuk mendidik kanak-kanak melalui persekitaran mereka dengan menitikberatkan ciri-ciri khusus kanak-kanak. Terdapat beberapa langkah yang ditekankan dalam amalan pendidikan kanak-kanak iaitu menggalakkan kanak-kanak terlibat dengan kegiatan persekitaran dan menggalakkan aktiviti bermain bagi membina pengalaman yang akan membantu perkembangan asas pemikiran dan tubuh badan mereka.

Pendidikan prasekolah Jepun berdasarkan Artikel 78 dalam *School Education Law* menetapkan matlamat bagi pendidikan prasekolah iaitu membina dasar pemikiran dan kesejahteraan tubuh melalui penyediaan kebiasaan gaya hidup dan sikap yang sihat, selamat dan sejahtera. Selain itu, pendidikan prasekolah bermatlamat membina kebebasan dan mencipta kasih sayang melalui pembangunan moral dan kepercayaan terhadap orang lain, membina emosi dan kemampuan untuk berfikir melalui perasaan ingin tahu dalam hal-hal persekitaran mereka, membina kesedaran bahasa dan meningkatkan kreativiti melalui pengalaman yang berbagai.

Selain daripada matlamat pendidikan prasekolah Jepun yang dinyatakan, konteks budaya Jepun turut berperanan dalam mempengaruhi perkembangan kognitif,

emosi dan sosial kanak-kanak. Menurut Lau (2006) dalam *'Japanese Mothers Parenting Styles with Preschool-Age Children'*, kanak-kanak Jepun telah dididik sejak dari kecil tentang pentingnya bekerjasama, meningkatkan kualiti diri dengan memiliki nilai-nilai seperti tekun, tabah, berusaha, berdedikasi, menghormati orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri. Didikan ini bertujuan untuk membina sikap positif dalam perkembangan kanak-kanak di samping memupuk nilai-nilai keharmonian dalam diri mereka. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan di sekolah juga kebanyakannya membuktikan bahawa mematuhi peraturan dan bekerjasama itu penting untuk kepentingan bersama. (Lau, 2006; Md. Nasrudin, Asmadi dan Rohayati, 2008)

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Gleason et al. (1984) dan Peak (1991) yang melihat *'politeness routines'* di dalam sebuah tadika di Jepun. Selain daripada itu, beberapa hasil kajian berikutnya telah menguatkan lagi kepentingan untuk mengetahui unsur keharmonian di dalam komunikasi mereka. Menurut Kitayama, Kirawa dan Mesqita (2004) dalam Lau (2006), *'interdependent'* merupakan suatu penekanan yang penting dalam penglibatan sosial di Jepun. Mengajar anak-anak untuk mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain adalah salah satu matlamat sosialisasi yang paling penting bagi ibubapa Jepun (Ujie, 1997; White & LeVine, 1986).

Tobin et al. (2004) dalam Burdelski (2010) menyatakan bahawa prasekolah Jepun mempunyai peranan yang semakin penting dalam mensosiolisasikan perhubungan dan empati kerana pengurangan kadar kelahiran bermakna peluang untuk berinteraksi dengan kanak-kanak lain sama ada di rumah atau di sekitar kawasan perumahan menjadi semakin berkurang. Berdasarkan buku Lewis (1995) yang bertajuk *'Educating hearts and minds'* yang melihat lebih mendalam tentang pendidikan

prasekolah di Jepun menegaskan bahawa pendidikan Jepun mencapai kejayaan kerana di waktu awal pendidikannya ia telah mencapai kehendak kanak-kanak untuk bersahabat dan peluang untuk membentuk kehidupan bersekolah (*opportunities to shape school life*). Menurutnya, 50% daripada masa kanak-kanak digunakan untuk bermain (*free play*), 14% dalam aktiviti kesenian dan 8% dalam nyanyian, tarian atau latihan muzik. Keharmonian sepertimana yang dinyatakan oleh Lebra (1976), ‘Dalam menghasilkan pembentukan sebuah kumpulan masyarakat yang harmoni, mereka didedahkan kepada tradisi budaya tertentu iaitu budaya yang diperolehi atau dianuti oleh ahli masyarakat bukan daripada keturunan biologi tetapi tumbuh dan berkembang dalam sesuatu masyarakat tersebut.

Oleh itu, kajian ini diharapkan menemui hasil yang dapat mengetengahkan atau melahirkan kefahaman mengenai konsep *wa* atau keharmonian di dalam strategi komunikasi kanak-kanak Jepun. Kajian ini juga penting di mana ia akan turut menyumbang kepada pengetahuan masyarakat umum mengenai perbezaan budaya oleh masyarakat lain.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi 3 objektif berikut:

1. Mengenalpasti strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah Jepun.
2. Melihat kekerapan setiap jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah Jepun.

3. Mengenalpasti nilai-nilai keharmonian dalam strategi komunikasi kanak-kanak prasekolah Jepun.

1.4 Persoalan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian ini diharapkan dapat merungkai 3 persoalan kajian berikut:

1. Apakah strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah ketika berkomunikasi sesama rakan mereka ?
2. Bagaimanakah kekerapan penggunaan setiap jenis strategi komunikasi yang dilakukan?
3. Apakah nilai-nilai keharmonian yang terdapat di dalam strategi komunikasi tersebut ?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu di lokasi kajian iaitu di prasekolah Jepun di Kuala Lumpur. Maka dengan ini, hasil dapatan akan hanya berdasarkan lokasi kajian ini dan tidak dapat mewakili keseluruhan prasekolah Jepun di Malaysia. Data kajian melibatkan aktiviti 24 orang kanak-kanak Jepun prasekolah dan ia dirakamkan ketika waktu bermain. Walaupun waktu rehat prasekolah ini adalah selama 2 jam namun sewaktu makan tengahari iaitu pada jam yang pertama, kanak-kanak prasekolah di sini dikehendakki menghormati adab makan dan mengurangkan perbualan yang tidak diperlukan. Oleh sebab itu proses pemerhatian dilakukan selama 1 jam bagi setiap kali. Selain itu, bagi mengatasi kesukaran dalam memahami pertuturan subjek (bahasa

Jepun) secara langsung dan tepat (kerana pertuturan kanak-kanak yang terlalu cepat), kerja-kerja transkripsi telah dibantu bersama dengan 2 orang guru prasekolah Jepun secara bergilir-gilir.

1.6 Rumusan

Tempoh pendidikan prasekolah merupakan satu jangka masa yang amat penting dalam perkembangan dan pembesaran kanak-kanak. Fasa atau jangka masa ini adalah menjadi asas kepada pendidikan awal kanak-kanak sebelum menjejak masuk ke alam pendidikan formal. Persekitaran pembelajaran di rumah dan kualiti prasekolah yang disediakan menjadi permulaan yang baik kepada kanak-kanak dalam memahami persekitaran mereka. Kanak-kanak dianugerahkan dengan sifat ingin tahu dan cara yang terbaik untuk mereka memahami persekitaran adalah melalui interaksi atau komunikasi bersama dengan ibu bapa atau kanak-kanak yang lain. Namun begitu, disebabkan pencapaian perbendaharaan kata dan tatabahasa yang rendah, kanak-kanak prasekolah biasanya menghadapi masalah untuk menyampaikan mesej yang jelas dan tepat kepada pendengarnya. Dalam hal ini, mereka akan menggunakan berbagai strategi untuk berkomunikasi dengan pendengarnya bagi memastikan mesejnya dapat disampaikan dengan baik.

Secara umumnya komunikasi merupakan satu proses perpindahan fikiran, maklumat, idea dan perasaan dari satu individu kepada individu yang lain atau kumpulan individu yang lain. Komunikasi melibatkan proses penghantaran maklumat dan pertukaran pendapat. Penerima kemudian menterjemah mesej dengan memberikan maklum balas kepada penghantar. Segala bentuk komunikasi memerlukan penghantar,

mesej dan penerima. Terdapat dua bentuk komunikasi iaitu komunikasi secara lisan (*verbal*) dan komunikasi secara bukan lisan (*nonverbal*).

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan aspek strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah Jepun. Ini kerana berdasarkan menurut Holloway (2000) dan Tobin et al. (1989), pengetahuan tentang proses sosiolisasi iaitu aspek kemahiran pragmatik dalam kalangan kanak-kanak Jepun amat kurang dibincangkan. Sebaliknya secara teori, pengetahuan tentang matlamat organisasi dan nilai-nilai yang dipupuk di dalam prasekolah adalah sangat meluas dan mendalam. Burdelski (2010) juga menggariskan keperluan untuk melihat intergrasi strategi lisan dan bukan lisan dalam membentuk penglibatan kanak-kanak Jepun prasekolah dalam proses sosiolisasi mereka dalam rutin seharian dan juga bersama dengan rakan-rakan.

Di antara sasaran bagi pendidikan Jepun prasekolah adalah membina dasar pemikiran dan kesejahteraan tubuh melalui penyediaan kebiasaan gaya hidup dan sikap yang sihat, selamat dan sejahtera, membina kebebasan dan mencipta kasih sayang melalui pembangunan moral dan kepercayaan terhadap orang lain, membina emosi dan kemampuan untuk berfikir melalui perasaan ingin tahu dalam hal-hal persekitaran mereka. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membina kesedaran bahasa dan keseronokan dalam berbicara serta mendengar sambil mengembangkan minat dan perasaan ingin tahu dalam bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian dan meningkatkan kreativiti melalui pengalaman yang pelbagai.

Selain nilai pendidikan dan arah pembinaan diri, dalam masyarakat Jepun hal yang penting dan perlu didedahkan kepada kanak-kanak dalam usia awal adalah ciri-ciri bekerjasama, bertolak ansur, menghormati hak orang lain, bertanggungjawab, dan sebagainya yang berperanan penting dalam membentuk identiti sesuatu bangsa. Masyarakat Jepun terkenal sebagai bangsa yang sentiasa menjaga keharmonian dalam perhubungan. Dalam menjaga hubungan keharmonian masyarakat secara keseluruhannya, konsep atau nilai *wa* diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Jepun sejak dahulu hingga sekarang. Sejak dari kecil kanak-kanak Jepun dididik dengan menerapkan nilai-nilai tersebut di dalam diri mereka.

Dalam hal ini, bertepatan dengan Dasar Pandang ke Timur yang di perkenalkan oleh Tun Dr Mahathir pada tahun 1981, penulis mengambil kesempatan ini untuk melihat nilai-nilai keharmonian yang diterapkan melalui strategi komunikasi kanak-kanak Jepun prasekolah yang berada di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat menambahkan lagi pengetahuan masyarakat Malaysia tentang komunikasi dan proses sosialisasi kanak-kanak prasekolah Jepun justeru pada masa yang sama menambahkan kefahaman tentang budaya masyarakat Jepun itu sendiri.

BAB 2

KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.0 Pengenalan

Sebagai pengenalan, beberapa definisi komunikasi akan dibincangkan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Seterusnya, aspek-aspek pemerolehan kanak-kanak, perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak akan dihuraikan. Aspek komunikasi akan merangkumi komunikasi lisan, bukan lisan dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan komunikasi kanak-kanak di awal usia secara menyeluruh dan kemudian memfokus kepada kanak-kanak prasekolah Jepun. Seiring dengan tajuk kajian, bab ini akan meninjau kajian-kajian terdahulu berkenaan strategi komunikasi. Persamaan atau perbezaan dalam kajian mereka berbanding kajian ini akan dibincangkan. Lanjutan daripada itu, tumpuan khusus akan ditinjau dengan lebih mendalam kepada cara-cara masyarakat Jepun berkomunikasi berdasarkan budaya masyarakat mereka dan kesannya dalam komunikasi anak-anak mereka. Sebagaimana yang dimaklumkan Kojima (1996), penekanan nilai-nilai keharmonian interpersonal masyarakat Jepun telah dapat dilihat dengan jelas sejak abad ke-17 lagi. Maka dalam menghalusi isu yang diketengahkan, aspek-aspek keharmonian dalam komunikasi masyarakat Jepun akan dihuraikan dari pandangan beberapa orang pengkaji terdahulu.

2.1 Definisi Istilah

Definisi istilah-istilah yang akan digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

a) Strategi komunikasi

Strategi Komunikasi bermaksud sesuatu pendekatan atau langkah yang diambil oleh seseorang apabila cara berkomunikasi yang dilakukan olehnya tidak dapat difahami oleh pendengar. Dalam kajian ini strategi komunikasi adalah merujuk kepada tindakan yang lain (samaada lisan atau bukan lisan) yang dilakukan oleh responden kanak-kanak Jepun untuk menyampaikan makna apabila berkomunikasi dengan biasa tidak dapat disampaikan dengan baik.

b) Komunikasi lisan

Komunikasi lisan didefinisikan sebagai bahasa perhubungan yang ditujukan kepada orang lain ketika berhubung. Asmah (1986) dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak memberi contoh seperti, bercerita, bertanya, bertengkar dan sebagainya. Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa strategi komunikasi lisan yang digunakan.

c) Strategi pertanyaan

Strategi-strategi pertanyaan yang diberi mempunyai beberapa persamaan seperti mana yang telah dinyatakan dalam Lakuan Pertuturan atau '*Speech Act*' oleh Wunderlich (1976, 1977) dan Hausser (1977) yang memberikan lakuan pertuturan seperti '*erotetic (questions)* dan '*directive (requests)*'. Namun begitu, strategi pertanyaan dalam konteks kajian ini memberi gambaran bahawa sesuatu pertanyaan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan informasi atau jawapan secara langsung tetapi juga mempunyai pelbagai fungsi secara tidak langsung yang dinyatakan seperti di bawah:

- i) Untuk memberi pendapat
- ii) Untuk mendapatkan kepastian
- iii) Untuk mendapatkan sokongan
- iv) Untuk menjaga perasaan

v) Untuk mendapatkan informasi

d) Strategi permintaan

Berdasarkan konteks kajian ini permintaan didefinisikan sebagai meminta sesuatu supaya pendengar sasaran memahami apa yang diminta oleh penutur. Dalam kajian ini, strategi permintaan yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah selaku responden telah dibahagikan kepada 3 fungsi strategi permintaan yang berbeza. Antara fungsi-fungsi strategi permintaan mereka adalah seperti berikut:

1. Meminta sesuatu.
2. Meminta keizinan melihat
3. Meminta bantuan

e) Strategi bantahan

Bantahan bermaksud menolak atau menafikan sesuatu perkara. Zaitul (2002) menyatakan bahawa bantahan bermaksud menafikan sesuatu tuduhan yang tidak berasas.

f) Strategi panggilan

Definisi panggilan dalam kajian ini bermaksud panggilan nama atau kata ganti nama diri yang digunakan ketika membahaskan diri sendiri sewaktu berinteraksi atau berkomunikasi dengan pasangan atau pendengarnya. (Niyekawa, 1990:50-51; Ide, 1990). Dalam konteks kanak-kanak Jepun, *First Name* atau nama sendiri dan ganti nama diri seperti '*Watashi*' atau '*Atashi*' bagi kanak-kanak perempuan dan '*Boku*' atau '*Ore*' bagi kanak-kanak lelaki adalah panggilan nama yang lazim digunakan.

g) Strategi gelaran negatif

Memberi gelaran negatif dalam kalangan kanak-kanak bermaksud menggelarkan seseorang dengan gelaran-gelaran yang berunsur negatif dan tidak disukai oleh pendengarnya. Lazimnya, seorang kanak-kanak itu akan menyebutnya ketika berada dalam keadaan marah dan dengan intonasi yang meninggi. Ini

sepertimana yang terdapat dalam cadangan oleh Dore (1975), yang mengkaji tentang ujaran kanak-kanak mencadangkan sembilan laras bahasa (*Speech Act*) yang sering digunakan oleh kanak-kanak iaitu melabel, mengulang, menjawab, membuat pertanyaan dengan reaksi, bertanya dengan mendapat jawapan, memanggil, membuat ucapan, memprotes dan berlatih (*practicing*).

h) Strategi pengulangan

Faerch dan Kasper (1983) telah memberi tiga fungsi pengulangan yang berbeza iaitu sebagai pertanyaan untuk mendapatkan jawapan, memperkuat keterangan yang baru, untuk membimbing rakan melalui sesuatu aktiviti. Definisi strategi pengulangan dalam konteks ayat yang digunakan dalam perbualan bagi kajian ini adalah mengulangi sesuatu kata itu untuk menegaskan tentang sesuatu perkara. Selain daripada itu strategi pengulangan dalam kajian ini juga memberi maksud mengulang untuk mendapatkan respons dan untuk menegaskan kepada pendengarnya tentang sesuatu perkara samaada ia benar atau tidak benar.

i) Strategi penggunaan *Malaysian English*:

Secara umumnya, penggunaan *Malaysian English* dilihat sebagai 'act of identity' (Nair Venugopal, 2000) dipetik dalam Schneider (2007). Pada masa yang sama menurutnya, *Malaysian English* dianggap sebagai bahasa tidak rasmi, English yang mempunyai identiti Malaysia ini dapat digambarkan dengan fonologi yang jelas yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda sesebuah kumpulan etnik itu sendiri. Menurut Gill (2002) yang dipetik dalam Schneider (2007) *Malaysian English* telah dipengaruhi oleh item leksikal yang mempunyai asas sosio budaya dan struktur sintaktik yang berkonsep Malaysia. Di Malaysia di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, bahasa Inggeris yang dituturkan telah berubah menjadi 'bahasa kreol' dengan fonologi, leksikon dan perbendaharaan katanya yang tersendiri. Antara perkataan

Malaysian English yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun dalam kajian ini adalah seperti penggunaan perkataan 'one' dan 'lah' yang diletakkan diujung ayat bahasa Inggeris.

j) Komunikasi bukan lisan

Komunikasi bukan lisan didefinisikan oleh Berko, Wolvin & Wolvin (1999) sebagai gerak isyarat, pembawakan diri, pergerakan mata, cara berpakaian dan cara pergerakan.

k) Strategi bahasa tubuh

Definisi bahasa tubuh merangkumi semua bentuk penyampaian mesej atau interaksi yang berlaku melalui pergerakan badan. Bahasa tubuh merangkumi seperti seseorang berdiri dan berjalan, ekspresi muka dan pandangan mata. Strategi bahasa tubuh dalam kajian ini akan menggunakan definisi seperti yang ditakrifkan oleh Berko, Wolvin & Wolvin (1992) iaitu contohnya, lambang (seperti menegakkan ibu jari dengan menggenggam semua jari-jari lain untuk memberi maksud 'bagus'), *Illustrators*, pengaruh paparan, *Regulators* dan *Adaptors*. (Rujuk bahagian 2.5 dalam Jadual 2.1. untuk keterangan terperinci).

l) Strategi *paralanguage*

Paralanguage yang digunakan dalam kajian ini, mempunyai maksud isyarat vokal seperti kadar atau purata kelajuan, kekuatan suara, intonasi nada suara, jeda (berhenti) dan penekanan bunyi. Ini adalah seperti mana yang dinyatakan oleh Berko, Wolvin & Wolvin (1992) dalam Jadual 2.1 di bahagian 2.5.

2.2 Definisi Komunikasi

Secara umum, komunikasi bermaksud perhubungan dua hala sama ada dengan penggunaan suatu alat perantaraan untuk berkomunikasi atau sebaliknya. Komunikasi dihuraikan sebagai suatu perhubungan bercakap, perbincangan, pertukaran pendapat dan lain-lain. Masyarakat masa kini hidup dalam dunia tanpa sempadan dengan alat perhubungan untuk berkomunikasi yang serba canggih seperti perhubungan internet, 'smart phone', jalur lebar atau *wireless broadband* dengan *broadband* mudah alih 4G dan sebagainya. Terbaru *iPad 2*, *tablet*, telefon bimbit dengan sistem 3G dan WiFi, MMS (*multimedia message*) dengan penghantaran atau muat turun atau muat naik gambar, lagu dan video dan berbagai lagi. Selari dengan itu, mewujudkan kemudahan perhubungan komunikasi antara individu di sesuatu tempat dengan individu di suatu tempat yang berbeza. Namun, terdapat beberapa definisi komunikasi yang telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Komunikasi adalah satu proses yang dinamik dan interaktif. Dwyer (2005) mentakrifkan 'komunikasi' sebagai setiap perilaku, lisan, bukan lisan atau grafik yang digunakan oleh orang lain. Ini bermakna bahawa istilah komunikasi boleh dikategorikan kepada 3 bentuk iaitu komunikasi lisan, komunikasi bukan lisan dan grafik. Menurut Dwyer, komunikasi manusia terdiri daripada 4 jenis iaitu, interpersonal, intrapersonal, awam dan komunikasi massa. Yoder, Hugenberg, Wallace (1996), telah mendefinisikan komunikasi sebagai komunikasi lisan dan bukan lisan di antara penutur dengan tujuan untuk mencipta perkongsian makna, manakala Frey, Botan, Friedman, Kreps (1991), menyatakan bahawa komunikasi adalah satu pengurusan mesej yang bertujuan untuk mencipta perkongsian makna bersama.

Seterusnya, Shannon & Weaver (1949) yang dipetik dalam Dwyer (2005) & Yoder, Hugenberg & Wallace (1996) mendefinisikan komunikasi sebagai satu proses interaksi satu hala. Model penghantaran komunikasi adalah berkaitan dengan peralihan makna dari penghantar kepada penerima. Ini berbeza dengan Sulaiman Masri (1997) yang mentakrifkan komunikasi sebagai interaksi yang melibatkan penyampaian sesuatu mesej atau maklumat daripada pengirim, penutur atau pun penulis melalui alat atau saluran tertentu kepada penerima iaitu pembaca atau pendengar. Penerima akan mengkod dan mentafsir mesej tersebut untuk memberikan maklum balas. Dari penerangan ini, Schramm (1971) membuat kesimpulan bahawa komunikasi mempunyai beberapa fungsi yang melibatkan penghantaran mesej yang dilakukan melalui proses :

- 1) memberitahu,
- 2) mendidik,
- 3) memujuk
- 4) menghibur.

1) Fungsi memberitahu

Fungsi memberitahu menumpukan perhatian kepada penyampaian. Tujuan fungsi ini adalah untuk memberitahu orang lain tentang sesuatu maklumat atau perkara oleh penyampai. Seseorang penyampai akan memastikan bahawa sesuatu maklumat itu dapat disalurkan kepada penerima maklumat melalui komunikasi yang berkesan.

2) Fungsi mendidik

Menurut Schramm, fungsi mendidik merupakan suatu perkara yang penting untuk memastikan bahawa kedua-dua pihak penyampai dan penerima maklumat

mencapai tujuan mereka. Tugas utama fungsi ini adalah untuk memberikan maklumat bagi menambahkan pengetahuan seseorang tentang sesuatu perkara, dengan harapan si penerima maklumat akan terpengaruh dengan pendapat dan sikap seperti yang disarankan dalam jangka masa panjang. Menurutnya, keberkesanan fungsi ini bergantung kepada sejauh manakah seseorang itu merasai bahawa pengetahuannya bertambah akibat pendedahan terhadap maklumat yang diterimanya.

3) Fungsi memujuk

Fungsi memujuk bertujuan untuk mempengaruhi dan mengubah sikap dan tingkah laku penerima. Penggunaan komunikasi bagi fungsi memujuk haruslah dapat menembusi perasaan dan emosi individu ataupun kumpulan yang menjadi sasaran maklumat.

4) Fungsi menghibur

Fungsi ini tercapai apabila seseorang itu dapat melapangkan fikirannya. Antara bentuk komunikasi yang lazim digunakan untuk menghibur termasuklah wayang gambar, fotograf, lukisan, drama, persembahan serta rancangan hiburan siaran radio dan televisyen. Lazimnya aspek pendidikan, pemujukan dan penerangan akan diselitkan di dalam sesuatu bentuk hiburan kerana bentuk-bentuk hiburan yang dinyatakan ini amat digemari ramai. Pada hakikatnya, menurut Schramm (1971), sesuatu proses komunikasi itu akan melibatkan pelbagai fungsi komunikasi untuk menimbulkan kesan yang lebih menyeluruh.

Dalam membicarakan tentang aspek komunikasi, Slobin (1967) pula berpendapat bahawa semua komponen sesuatu peristiwa komunikasi merupakan satu potensi *input* kepada kanak-kanak dalam pembinaan makna dari bahasa dan yang

paling menonjol adalah identiti sosial para peserta. Manakala berdasarkan pendekatan interaksi-fungsional, Halliday (1975) menghuraikan bahawa kanak-kanak belajar memahami makna bahasa disebabkan adanya hubungan sistematik di antara apa yang didengar dengan apa yang berlaku di sekitar mereka. Menurut Cook-Gumperz (1977), tujuan kanak-kanak berkomunikasi wujud secara semula jadi daripada sistem andaian dan pemahaman yang dimiliki bersama yang terhasil daripada kenalaran dan ritual pada sosialisasi awal mereka.

Secara keseluruhannya, komunikasi disimpulkan sebagai suatu proses perkongsian makna yang berlaku dalam sesuatu perhubungan. Semasa berkomunikasi atau berbual sama ada secara terus atau dengan menggunakan perantaraan seperti *video conference*, email, telefon dan lain-lain, setiap manusia akan berkongsi pendapat atau penerangan tentang sesuatu perkara seperti berkongsi topik berkenaan manusia, berkongsi perasaan gembira dan sedih, berkongsi sesuatu situasi semasa, berkaitan politik, kewangan atau hal-hal peribadi, dan sebagainya. Perkara ini boleh berlaku sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau pun komunikasi bukan lisan iaitu sama ada melalui perbualan ataupun dengan gerak badan dan ekspresi muka atau mimik muka sahaja. Ini bermakna manusia juga boleh mencetuskan perasaan mereka melalui nada suara, gerak geri badan dan muka serta tanpa berkata apa-apa atau dalam erti kata lain senyap atau diam.

2.3 Komunikasi Lisan

Komunikasi lisan adalah asas interaksi antara satu individu dengan individu atau antara kumpulan dengan kumpulan yang lain. Terdapat beberapa komponen komunikasi lisan yang terdiri daripada suara atau bunyi, perkataan, percakapan dan

bahasa. Menurut Skinner (1972, dalam Zamri, 2007) komunikasi lisan memberi makna bahasa lisan sebagai suatu perlakuan dimana pola-pola bunyi tertentu yang dihasilkan akan menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu. Wood (1976) memberi takrif bahasa lisan sebagai sesuatu yang mempunyai empat tahap. Ia adalah bunyi (fonologi), kata (morfologi), struktur (sintaksis) dan makna (semantik). Beliau meletakkan definisi komunikasi sebagai perkongsian makna. Asmah (1986) dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak, mentakrifkan komunikasi atau bahasa perhubungan sebagai bahasa yang ditujukan kepada orang lain ketika berhubung atau berkomunikasi. Beliau memberi contoh, ketika kanak-kanak bertukar-tukar fikiran dengan orang lain, mereka akan melakukan dengan berbagai cara seperti bertanya, bercerita, bertengkar, mengulas dan sebagainya.

Komunikasi lisan adalah interaksi tutur kata secara timbal balas di antara penutur dan pendengar dalam memahami dunia pendengar dengan lebih jelas. Komunikasi lisan boleh disampaikan dengan lebih jelas mengenai perasaan tertentu seperti sayu, gembira, terharu, geram, takut, sakit hati dan sebagainya. Pendengar tidak rasa keliru kerana mesej yang disampaikan adalah menggunakan bahasa yang mudah difahami. Selain itu komunikasi lisan banyak menggunakan bahasa atau analogi yang mudah dan difahami oleh pendengar seperti penggunaan metafora, kiasan, perbandingan dan pepatah. Namun, komunikasi lisan yang berkesan ialah penutur harus berada dalam keadaan yang tenang dan dengan nada yang sesuai. Oleh kerana fokus kajian adalah strategi komunikasi lisan maka perbincangan lebih lanjut di huraikan di bahagian strategi komunikasi.

2.4 Komunikasi Bukan Lisan (*Nonverbal Communication*)

Seterusnya, bagi komunikasi bukan lisan, menurut Ruesch dan Kees (Knapp 1972), ia boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu a) isyarat yang mempunyai kaitan dengan ruang dan waktu, b) pergerakan tangan, c) air muka, d) nada suara dan e) cara berpakaian atau pakaian yang dipakai. Ekman & Friesen (1975) pula telah mengkategorikan komunikasi bukan lisan kepada lambang atau simbol sebagai isyarat tanpa lisan, pengilustrasian sebagai isyarat disertai lisan, pemaparan rasa yang menunjukkan emosi dari air muka, pengawal (*regulator*) iaitu pengawalan aliran berkomunikasi (giliran bercakap) dan penyesuaian iaitu adaptasi diri dengan situasi.

Selain itu, Berko, Wolvin & Wolvin (1992) yang merupakan pakar linguistik telah bersepakat bahawa komunikasi bukan lisan memberi impak terhadap sesuatu mesej. Ia adalah meliputi kumpulan faktor-faktor seperti gerak isyarat, pembawakan diri, pergerakan mata, cara berpakaian dan cara pergerakan yang di panggil '*cluster*'. Setiap satu isyarat dalam komunikasi bukan lisan memberi satu makna. Sebagai contoh meletakkan tangan bersilang di atas dada membawa maksud seseorang itu ialah seorang yang dingin atau kurang berperasaan. Sebaliknya menyilang tangan di atas dada sambil membeliakkan mata dan memandang dengan mata yang tajam ke arah seseorang mungkin menunjukkan seseorang itu sedang marah (Berko, Wolvin & Wolvin,1992).

Berko (1992) menggariskan bahawa, komunikasi bukan lisan terbahagi kepada bahasa tubuh, *paralanguage* (bunyi suara), *proxemics* (ruang), *chronemics* (masa), *olfatics* (bau), *aesthetics* (muzik dan warna) perlakuan fizikal (bentuk tubuh dan saiz, warna kulit) dan artifak (pakaian, solekan, kaca mata, barang kemas). Namun begitu, oleh kerana fokus kajian akan tertumpu kepada bahasa tubuh dan *paralanguage* dalam

bidang komunikasi bukan lisan, kedua-dua aspek ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian strategi komunikasi kanak-kanak.

2.5 Definisi Keharmonian atau *Wa*

Secara umumnya, menurut Brown (2006) '*Wa*' atau keharmonian adalah satu konsep yang paling penting dalam budaya masyarakat Jepun. Perkataan '*Wa*' atau dalam tulisan Cina 和 pada asalnya bermaksud harmoni, keamanan atau keadilan dan kemudiannya dijadikan sebagai satu panduan dalam prinsip kehidupan masyarakat Jepun oleh Maharaja Shotoku pada ketika itu. Berdasarkan Artikel 1 dalam senarai perlembagaan 17 Artikel yang telah ditubuhkan oleh Maharaja tersebut, menggariskan bahawa masyarakat Jepun mesti mengutamakan '*Wa*' dalam kehidupan mereka, tidak bergaduh atau berperang dan cuba untuk menghargai perasaan orang lain. Di Jepun, penerapan nilai keharmonian atau '*Wa*' dalam pendidikan dimulai dengan ibu-ibu sentiasa memberi peringatan terhadap anak-anak mereka supaya tidak menyusahkan orang lain atau dalam perkataan Jepun bermaksud '*meiwaku*'. Masyarakat Jepun sentiasa perihatin seandainya tindakan mereka akan menyusahkan orang lain Selain itu, di samping perasaan perihatin untuk tidak menyusahkan orang lain, masyarakat Jepun sebaliknya mengharapkan pertimbangan, simpati dan empati dari pihak yang lain.


Manakala Shelley (1993) dipetik dalam Kelley (2008) menggariskan '*Wa*' atau keharmonian sebagai nilai kardinal dalam hubungan interpersonal Jepun. Keharmonian dalam kalangan masyarakat Jepun adalah sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan bersama. Menurut beliau lagi, keharmonian dianggap sebagai satu aspek yang utama untuk menjadi seorang yang berbangsa Jepun. De Mente (2009) menyatakan bahawa '*wa*' bagi masyarakat Jepun adalah satu konsep di mana seseorang itu tidak boleh

menyatakan atau melakukan sesuatu yang akan memalukan atau mengguris perasaan orang lain termasuklah memuji atau menghadiahkan orang bawahannya di atas pencapaian peribadi mereka.

2.6 Pemerolehan dan Perkembangan Bahasa

Kanak-kanak akan melalui proses pemerolehan bahasa sebelum mereka boleh berbicara seperti mana orang dewasa. Mangantar Simanjuntak (1987) mendefinisikan pemerolehan bahasa sebagai satu proses yang berlaku dalam otak kanak-kanak sewaktu memperoleh dan menguasai bahasa ibundanya secara semulajadi. Menurut Adrian Akamaijan et al. (1995) dalam Zamri Mahamod (2007), terdapat dua jenis pemerolehan dan perkembangan bahasa yang berlaku semasa kanak-kanak memperoleh dan menguasai bahasa ibundanya. Yang pertama ialah perlakuan yang terdiri daripada proses pemahaman dan proses penerbitan manakala yang kedua ialah kecekapan.

Rajah 2.1 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak. Menurut Wells (1986) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak dan salah satu faktor adalah yang berkaitan dengan sifat kanak-kanak itu sendiri iaitu sifat yang diwarisi secara biologikal. Tiga faktor lain yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah latar belakang sosial, situasi dan interaksi linguistik iaitu yang meliputi persekitaran kanak-kanak. Kepelbagaian dalam perkembangan tingkah laku linguistik ini bukan disebabkan oleh mana-mana satu faktor yang dinyatakan tetapi adalah hasil daripada interaksi antara kesemua faktor-faktor yang terlibat.



Rajah 2.1: Faktor yang mempengaruhi pemerolehan bahasa kanak-kanak

Seterusnya, Noor Azmira Mohamed (2001) mengkaji tentang tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di antara dua orang kanak-kanak Melayu berumur 2.6 dan 3.7 tahun berdasarkan analisis am, analisis semantik dan sintaksis bahasa Melayu. Hasil analisis beliau mendapati tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak pada umur ini masih belum menguasai sepenuhnya. Hasil kajian Noor Azmira mendapati responden kanak-kanak yang berusia 3.7 tahun telah mengalami pemerolehan dan penguasaan bahasa yang berkembang selari dengan peningkatan usianya. Manakala responden kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan yang lebih cepat dari perkembangan usianya. Menurut beliau, hal ini berlaku kerana kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun ini sangat dipengaruhi oleh abangnya yang berusia 3.7 tahun dalam pemerolehan dan penguasaan bahasanya. Beliau telah merumuskan hasil kajiannya dengan membuktikan bahawa peranan persekitaran merupakan faktor yang sangat penting selain faktor

kognitif dalam membantu mempercepat proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak.

Meninjau dalam isu perkembangan bahasa, Piaget (1958) telah mensejajarkannya (iaitu perkembangan bahasa) dengan perkembangan mental. Menurut beliau, perkembangan bahasa kanak-kanak adalah hasil daripada perkembangan mental mereka. Piaget telah membahagikan proses perkembangan mental kanak-kanak kepada empat tahap, iaitu tahap motor deria (0-2 tahun), tahap pemikiran praoperasi (2-7 tahun), tahap operasi konkrit (7-12 tahun) dan tahap operasi formal (12-16 tahun) (Inhelder & Piaget, 1958). Menurutnya lagi, kanak-kanak perlu terlebih dahulu mempunyai kesediaan mental pada tahap-tahap yang tertentu untuk membolehkannya memahami peraturan-peraturan bahasa yang tertentu. Ketika menghurai pandangan Piaget, Brown (1980:26) mengatakan bahawa sesuatu perkara yang dipelajari oleh kanak-kanak tentang bahasa adalah ditentukan oleh apa yang telah diketahui oleh kanak-kanak itu tentang dunia mereka.

Antara teori perkembangan bahasa kanak-kanak yang awal adalah teori Behaviorisme oleh Skinner (1957), yang menggariskan bahawa bahasa seperti mana tingkah laku dikuasai oleh pelaziman operan. Menurutnya, dalam teori behaviorisme, perubahan dalam tingkah laku adalah hasil daripada proses pembelajaran kerana berlakunya perhubungan stimuli (ransangan) dengan tindak balas organisma. Untuk membalas pendapat Skinner, Chomsky (1957) telah membina teori Nativisme, yang menyatakan bahawa kemahiran bahasa kanak-kanak telah dipahatkan dalam struktur otak mereka sejak dilahirkan lagi.

Seterusnya, dalam membicarakan tentang perkembangan bahasa kanak-kanak, Mok (2009) dalam bukunya 'Perkembangan kanak-kanak', dari perspektif interaksionalisme, menyatakan bahawa teori perkembangan bahasa kanak-kanak mengutamakan interaksi di antara potensi dengan alam persekitaran kanak-kanak itu sendiri. Teori interaksionalisme memberi penekanan terhadap pembelajaran bahasa di bawah konteks sosial (Vygotsky,1986). Kanak-kanak yang mempunyai kemahiran menguasai bahasa, menjadi pemerhati dan peserta dalam interaksi sosial. Menurut Mok (2009) berpandu pada ahli-ahli interaksionalisme, keupayaan dan keinginan yang kuat untuk berinteraksi dengan orang lain serta kemahiran menguasai bahasa dengan dikelilingi alam sosial yang kondusif akan membolehkan kanak-kanak membina sistem komunikasi yang berkesan.

Selari dengan konteks ini, aktiviti bermain sambil belajar merupakan strategi yang membantu perkembangan komunikasi dan pembelajaran kanak-kanak (Vygotsky, 1967). Spodek et al. (1987) menyatakan bahawa bermain membantu perkembangan bahasa dan pemikiran. Penggunaan simbol bahasa dibentuk melalui simbol dan tanda-tanda. Aktiviti bermain juga memberi kebebasan dan tanda-tanda semasa bermain telah membentuk struktur mental yang membantu perkembangan kepada kanak-kanak daripada kekangan dunia sebenar di sekeliling mereka. Menurut Spodek lagi, bermain dapat memberi kanak-kanak lebih kuasa untuk mengawal situasi sekeliling mereka berbanding apa yang mereka peroleh dalam situasi yang sebenar. Kanak-kanak bermain dengan makna dan objek hasil daripada kebebasan yang diperoleh dari dunia realiti.

Selain itu, dalam isu berkaitan dengan kecekapan berkomunikasi, Zaitul (2007) telah mengkaji tentang pengetahuan pragmatik di dalam ujaran kanak-kanak prasekolah

di Malaysia. Hasil kajian beliau mendapati bahawa kanak-kanak prasekolah telah menggunakan pengetahuan bahasa yang telah mereka kuasai untuk menyampaikan pemikiran, pengalaman, keinginan dan bantahan. Menurut beliau, dalam konteks sosial, seseorang kanak-kanak dikatakan menunjukkan tanda-tanda kecekapan pragmatik apabila mereka mengetahui tentang struktur dan bentuk bahasa yang hendak digunakan ketika berinteraksi. Ini termasuklah kosa kata, laras bahasa, aspek wacana, cara berkelakuan dan berkomunikasi. Hasil kajian Zaitul menunjukkan bahawa pengetahuan pragmatik bagi seseorang kanak-kanak tidak terletak kepada kepetahan ia bertutur dengan menggunakan bahasa yang betul tetapi terhadap kecekapan berkomunikasi dengan orang lain di sekitar mereka.

2.7 Perkembangan Komunikasi Kanak-kanak Jepun dan Nilai-nilai

Keharmonian

Keharmonian yang sentiasa diterapkan dalam masyarakat Jepun adalah tidak terkecuali bagi anak-anak mereka. Sejak kecil, kanak-kanak Jepun dididik dan dilatih untuk berkelakuan baik supaya apabila dewasa mereka menjadi orang yang sentiasa dapat memberi keselesaan kepada orang lain (Md Nasrudin, Asmadi, Rohayati, 2008). Menurut Md Nasrudin, Asmadi, Rohayati (2008), dua prinsip yang sering diterapkan untuk melatih kanak-kanak Jepun ke arah perlakuan yang baik ialah prinsip pertukaran dan prinsip hierarki.

Prinsip pertukaran ini bermaksud kanak-kanak Jepun dididik supaya meletakkan diri mereka di tempat orang lain sewaktu melakukan sesuatu. Ini akan melatih mereka menghormati orang lain, tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa

menjaga tutur kata mereka agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Prinsip hierarki pula bermaksud kanak-kanak Jepun dididik untuk memahami bahawa orang-orang yang lebih dewasa haruslah lebih bertolak ansur apabila berurusan dengan kanak-kanak yang dianggap masih mentah dan tidak tahu selok-belok dalam pelbagai aspek kehidupan ini. Prinsip sebegini dapat mengelak dari berlakunya sebarang pertelingkahan atau pergaduhan antara mereka. Yang mengalah sentiasa diberi pujian atas nilai murni yang ditunjukkan (Md Nasrudin, Asmadi, Rohayati, 2008).

Sejak kecil lagi kanak-kanak Jepun dilatih supaya bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan. Jika tidak, ia akan menimbulkan masalah kepada ahli lain dalam kelompok tersebut. Kanak-kanak Jepun juga diajar tentang kepentingan bekerjasama, bersikap tidak mementingkan diri sendiri, meningkatkan kualiti diri dengan memiliki nilai-nilai seperti tekun, tabah, berusaha, berdedikasi dan cuba berdikari atau bergantung kepada diri sendiri dan tidak menyusahkan orang lain (Lau, 2006; Md Nasrudin, Asmadi, Rohayati, 2008).

Merujuk tentang masyarakat Jepun, Markus & Kitayama (1991) dalam Lau (2006) menyatakan bahawa sikap masyarakat Jepun yang bergantung pada orang lain atau saling bergantung antara mereka, kebanyakannya ditentukan oleh ikatan perhubungannya dengan orang lain. Kedua-dua sikap ini, memainkan peranan yang penting dalam membentuk pengalaman seseorang individu termasuklah kognisi, emosi dan motivasi (Markus & Kitayama 1991,1994; Dennis, Cole, Zahn-Waxler, & Mizuta, 2002; Cross & Madson, 2007).

Bagi ibu bapa yang berbangsa Jepun, mengajar anak-anak mereka mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan sosial (Ujiie, 1997; White & Le Vine, 1986; Yamada, 2004). Ramai penulis telah berpendapat bahawa seorang ibu berbangsa Jepun amat mengambil berat sekiranya sikap anak mereka itu akan menyusahkan atau membebankan orang lain (Rothbaum, Pott, Azuma, Miyake, 2000; Ujiie, 1997; White & Le Vine, 1986). Olson et al. (2001) memberi contoh seperti seorang ibu berbangsa Jepun yang melaporkan tentang kekurangan dari segi sensitiviti sosial adalah satu perkara yang paling tidak diingini dalam sikap atau perangai seorang anak. Dalam menghasilkan pembentukan sebuah kumpulan masyarakat yang harmoni, Lebra (1976) memberikan contoh perasaan simpati dan ekspresi emosi adalah sangat penting dalam kalangan masyarakat Jepun.

Menurut Miyake & Shimazaki (1995, dalam Lewis et al., 2009) adalah sesuatu yang memalukan dan menimbulkan kegelisahan bagi seseorang kanak-kanak Jepun jika ia menjadi perhatian utama kerana tidak menjadi sebahagian dari ahli dalam kumpulan. Sebaliknya, menjadi seseorang individu yang dipuji adalah sesuatu yang biasa dan merupakan satu bentuk kehidupan sosial yang dikehendaki dalam budaya Amerika. Menurut Kitayama & Markus (1999); Kitayama et al.(1997) bahawa pencapaian sesuatu tugas, kesedaran diri dan penilaian emosi diri mencerminkan pandangan budaya masyarakat Jepun dalam semangat "*we-self*" mereka. Kanak-kanak Jepun yang disosiolisasikan dalam "*we-culture*" atau "budaya-kami" menunjukkan bentuk ekspresi yang mencerminkan kebimbangan dan perasaan berbelah bagi apabila pencapaian atau perbuatan mereka dipaparkan kepada orang lain.

Selain itu, Fukada et al. (1999) mengkaji tentang pengekalan perbualan antara anak-anak prasekolah Jepun yang berumur antara 3 hingga 4 tahun. Fukuda melihat bagaimana kanak-kanak prasekolah ini cuba menyesuaikan diri mereka untuk mengekalkan perbualan. Fukuda melalui kajian yang dijalankan menemui 4 fungsi ucapan (*speech act*) yang terdiri daripada menawarkan (*offer*), kenyataan, soalan dan perintah serta 4 jawapan balas (*reply*) untuk setiap jenis fungsi. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa bilangan tindakbalas yang berkaitan (*related response*) dengan sesuatu kenyataan yang diberi, bertambah dan melebihi tindakbalas yang tidak berkaitan (*unrelated response*). Begitu juga dengan tindakbalas yang berkaitan dengan menjawab sesuatu kenyataan yang menunjukkan pertambahan selari dengan usia. Analisis dua pusingan urutan ucapan yang bermula dengan satu kenyataan menunjukkan kekerapan yang tinggi selari dengan usia hanya pada kenyataan urutan balas-membalas. Urutan jenis ini berlaku apabila suatu kenyataan itu dibalas atau dijawab dengan maklumat yang baru Fukada et al.(1999).

Melalui penelitian penulis dalam aspek keharmonian, selain kajian Burdelski (2010) yang membincangkan tentang strategi komunikasi yang mengaitkan aspek kesopanan, tidak banyak aspek-aspek keharmonian seperti menjaga perasaan, bekerjasama, bertolak ansur, ‘*omoiyari*’ dan lain-lain dibincangkan secara lebih meluas dalam strategi komunikasi ketika proses sosialisasi berlangsung.

2.8 Strategi Komunikasi Kanak-kanak

Bahagian ini akan membincangkan aspek strategi komunikasi kanak-kanak yang merangkumi kedua-dua komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Dalam kajian tentang strategi komunikasi kanak-kanak, Choo (1989) melihat strategi

komunikasi yang digunakan dalam pemerolehan bahasa kedua yang digunakan oleh tiga puluh tujuh orang kanak-kanak prasekolah di Tadika Universiti Malaya. Hasil kajian beliau menunjukkan penekanan terhadap strategi anggaran (*approximation*) dan strategi pembentukan kata baru. Kajian yang telah dijalankan oleh beliau merupakan kajian pemerihalhan linguistik mengenai kecekapan (*competence*), pelaksanaan (*performance*) dan kesan (*effectiveness*) strategi komunikasi kanak-kanak di tadika ini.

Berdasarkan hasil dari kajian yang dijalankan ini, strategi anggaran merupakan strategi paling tinggi digunakan. Oleh itu, beliau telah membuat huraian mengenai strategi anggaran (*approximation*) dan mendapati bagaimana responden berkomunikasi melampaui kecekapan lexis mereka dengan mengeksploitasi pengetahuan mereka tentang hubungan semantik dengan kata. Berkenaan dengan strategi pembentukan kata baru, beliau mendapati kanak-kanak tidak menghiraukan limitasi leksikal yang dipunyai mereka. Maka setiap kali menghadapi masalah pemilihan leksikal, mereka akan membuat beberapa pilihan yang ada, iaitu sama ada memilih untuk mengelak daripada bercakap atau mengubahsuai tajuk.

Selain daripada itu, walaupun kajian Kuang (2007) melihat aspek pemerolehan dwibahasa ke atas seorang kanak-kanak, beliau telah menemui beberapa laras bahasa (*speech act*) seperti pertanyaan, desakan, pertanyaan, membuat kenyataan, menunjukkan penghargaan dan seruan melalui kajian beliau. Manakala Kow (2000) menjalankan kajian mengenai strategi yang digunakan oleh kanak-kanak untuk menyampaikan makna. Responden kajian beliau melibatkan 60 orang kanak-kanak prasekolah yang berumur antara empat hingga enam tahun. Beliau menjalankan kajian dengan menggunakan tiga aktiviti iaitu nyanyian kanak-kanak, cerita pendek, dan

bercerita tentang sebuah kisah. Hasil dapatan kajian Kow (2000) menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kajian ini mencipta perkataan baru dan menggunakan unsur-unsur daripada bahasa pertama (L1) dan Malaysian English. Gerak tubuh dan pemberian alasan juga merupakan strategi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian beliau.

Kajian yang telah dijalankan oleh Puteri Roslina (2004) menumpukan perhatian kepada analisis bentuk bahasa ke atas kanak-kanak prasekolah yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Menurutnya, kanak-kanak peringkat prasekolah menggunakan strategi komunikasi kerana tiada perbendaharaan kata yang cukup untuk menyampaikan mesej. Bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 tahun dan ke atas dengan jumlah kosa kata yang semakin banyak, lebih kerap berbentuk bahasa. Di dalam kajian tersebut, beliau memberi contoh kanak-kanak akan menjerit, membantah, mengejek dan bermacam-macam lagi walaupun mesej yang hendak disampaikan mungkin tidak begitu jelas. Hasil kajian beliau mendapati bahawa bagi seseorang penutur, untuk menarik perhatian pendengarnya, strategi seperti menjerit, mengubah intonasi, mengarah, meminta adalah antara komunikasi lisan yang biasa dilakukan.

Menurut Weinberger (1978), dari aspek sosial, kanak-kanak dari kelas yang lebih rendah memaksa kanak-kanak dari kelas yang lebih tinggi untuk bertindak balas dan berinteraksi dengan mereka. Strategi arahan biasanya digunakan oleh kanak-kanak untuk menunjukkan siapa yang lebih berkuasa. Owen (1979) menyatakan bahawa umur dan saiz kanak-kanak itu adalah penentu yang lebih menonjol untuk kuasa bagi kanak-kanak daripada status sosial atau ekonomi. Corsaro (1986) mengkaji strategi komunikasi kanak-kanak dalam kalangan penutur bahasa pertama dalam suasana

bermain yang semula jadi. Beberapa strategi komunikasi yang telah berlaku semasa kanak-kanak bermain dalam suasana yang semulajadi dan tanpa dirancang (*Naturalistic PlayContent*) telah diperoleh dari Corsaro (1986). Antara strategi-strategi yang telah ditemui oleh Corsaro adalah seperti berikut:

1. Paralinguistik

Isyarat paralinguistik adalah perubahan dalam intonasi dan 'pitch' untuk menandakan fantasi dan animasi objek, dan juga melibatkan penggunaan pretensi (berpura-pura) dan suara tinggi dan rendah untuk menandakan berlakunya peranan. Contohnya, apabila seseorang itu marah, dia akan meninggikan suaranya sebaliknya apabila seseorang itu sangat marah, dia mungkin akan bercakap dengan perlahan satu persatu perkataan tetapi dengan penekanan suara yang sangat tinggi.

2. Keterangan tentang Perbuatan

Adalah kenyataan deklaratif ke atas kegiatan yang sedang berlangsung atau memberitahu dengan jelas tentang tindakan masa lalu atau masa depan.

3. Pengulangan

Mengulangi ucapan sendiri atau ucapan pasangan.

4. Ikatan Semantik

Ikatan semantik adalah menambah unsur-unsur semantik baru kepada kesemua sumbangan rakan sebelumnya.

5. Meminta perhatian

Pertuturan yang digunakan untuk mendapatkan perhatian pasangan. Ini termasuk panggilan nama pasangan, atau menggunakan ekspresi seperti "Hei"! atau "Lihat"!.

6. Arahan

Kenyataan yang digunakan untuk mengawal tindakan pasangan atau orang lain. Arahan juga boleh digunakan dalam lakonan atau permainan olok-olok.

7. Kata atau Frasa Tempelan

(yang ditambahkan kepada ayat untuk memberi penegasan)

Perkataan yang diletakkan pada hujung giliran perbualan untuk mendapatkan respons atau pengakuan. Contohnya: Betul *kan*, Jangan *lah*.

Kajian Dore (1975) mengkaji tentang ujaran kanak-kanak mencadangkan sembilan laras bahasa (*speech act*) yang sering digunakan oleh kanak-kanak iaitu melabel, mengulang, menjawab, membuat pertanyaan dengan reaksi, bertanya dengan mendapat jawapan, memanggil, membuat ucapan, memprotes dan berlatih (*practicing*). Piaget (1958) memberikan model bahasa yang membahagikan fungsi bahasa kanak-kanak kepada dua bahagian iaitu tiga ucapan egosentrik dan lima ucapan berbentuk sosial. Di antara fungsi-fungsi ini adalah pengulangan, bercakap sendiri (*monologue*), bercakap dengan pasangan atau beramai (*dual or collective monologue*), bertukar-tukar pendapat tentang informasi yang diperoleh dan membuat kritikan (menyanjung diri sendiri dan tidak menghargai orang lain). Selain itu, Piaget juga memasukkan fungsi-fungsi bahasa yang lain seperti mengarah, meminta, pernyataan tujuan untuk menghukum atau membahayakan seseorang (*threats*), bertanya dan menjawab.

Pengulangan (*echolalia*) di dalam Piaget (1958) memberi makna pengulangan yang dilakukan secara suka-suka dan tanpa niat untuk bercakap dengan orang lain. Contohnya, bayi yang baru lahir boleh menyebut satu perkataan, sentiasa mengulang-ulang menyebut perkataan yang baru diperolehnya. Menurut Potts, Cocking, Carlson

dan Copple (1979), pengulangan adalah proses menyebut apa yang telah disebut beberapa kali. Misalnya, apabila seseorang kanak-kanak itu menghadapi masalah seperti tidak memahami sesuatu yang diujarkan oleh pasangannya ataupun berada dalam keadaan yang tidak terkawal, kanak-kanak itu selalunya akan mengulangi apa yang disebut oleh pasangannya ataupun menjawab dengan menyatakan 'tidak tahu'. Walau bagaimanapun, pengulangan yang dimaksudkan oleh Faerch dan Kasper (1983) lebih inovatif dan berfungsi. Faerch dan Kasper memberi tiga fungsi pengulangan yang berbeza iaitu sebagai:

1. Pertanyaan untuk mendapatkan jawapan,

Contohnya:

A: pada suatu hari, perempuan sihir itu...

B: perempuan sihir?

2. Memperkuatkan keterangan yang baru,

Contohnya:

A: Jatuh, tahulah jatuh

B: Dia lah jatuh

3. Untuk membimbing rakan melalui sesuatu aktiviti

Contohnya:

A: puteri salji tu

B: puteri salji...tak nampak pun

A: perempuan sihir tu

B: perempuan sihir lepas tu...

Selain itu, satu lagi strategi komunikasi yang biasa digunakan oleh kanak-kanak adalah bantahan (Zaitul, 2002). Menurut beliau, bantahan adalah satu proses untuk

menafikan sesuatu. Beliau juga telah mentafsirkan bantahan kepada beberapa makna diantaranya bantahan adalah digunakan bagi menafikan sesuatu tuduhan yang tidak berasas atau tidak relevan dengan konteksnya, menolak sesuatu kenyataan atau maklumat yang dirasakan tidak tepat, menimbulkan isu yang bertentangan atau berlawanan dengan maklumat penutur semasa serta mengambil tindakan meninggalkan sesi perbualan tersebut. Tujuan bantahan dapat diselidiki setelah ujaran dalam perbualan kanak-kanak itu dianalisa dengan menggunakan pendekatan pragmatik. Misalnya, mereka membantah kerana ingin menyampaikan sesuatu yang lahir dari kognisi dan konteks untuk didengar dan dipersetujui oleh pendengarnya.

Proses yang boleh mendorong teretusnya bantahan berlaku apabila ada maklumat konteks, maklumat kognitif atau mental dan maklumat bertentangan. Maklumat konteks merupakan maklumat yang diterima melalui ujaran atau perbualan diproses di dalam otak. Maklumat ini dikaitkan dengan pengalaman sedia ada dan latar sosial dan budaya kanak-kanak. Manakala maklumat kognitif atau mental adalah terbentuk daripada kematangan, pengaruh orang dewasa, dunia persekitaran, dan faktor seperti autoriti atau pegangan. Maklumat kognitif mempengaruhi kehendak diri untuk menegakkan sesuatu yang dirasakan relevan, menyatakan dan menyampaikan perasaan kemanusiaan dan sebagainya (Zaitul, 2002).

Bagi maklumat bertentangan pula bermaksud bahawa setelah diproses dan mendapati maklumat yang diterima adalah bertentangan dengan maklumat kognisi, perasaan kemanusiaan dan *mood*, kanak-kanak itu akan membuat bantahan kerana didorong oleh autoriti dan konteks ujaran yang sedang berlangsung. Bantahan yang dilahirkan akan memberi kepuasan kepada kanak-kanak itu jika bantahan itu diterima

oleh pendengar dan tidak dibantah lagi. Jika sebaliknya, bantahan tadi akan menimbulkan ketidapuasan hati kepada kanak-kanak yang berkenaan lalu mengarah kepada terjadinya *mood* tersinggung, merajuk dan mengasingkan diri buat seketika (Zaitul, 2002).

Cohen dan Uhry (2007) mengkaji berkenaan dengan strategi komunikasi kanak-kanak ketika bermain dengan blok bersama rakan-rakan. Mereka mengambil 19 orang kanak-kanak Amerika (*bilingual* dan *monolingual*) yang berumur 5 tahun sebagai sampel kajian. Kajian Cohen menggunakan sistem kod Corsaro (1986) untuk melihat strategi komunikasi kanak-kanak dan cara mereka menyampaikan makna ketika bermain. Hasil kajian Cohen telah mendapati kanak-kanak menggunakan tindakan (*description of action*), isyarat paralinguistik, pengulangan, menarik perhatian, mengarah dan *tag* sebagai strategi.

Kajian Burdelski (2010) meninjau aspek kesopanan dalam rutin kehidupan 14 orang kanak-kanak prasekolah (penutur asli dan penutur asing) yang berumur 2 hingga 5 tahun dan tinggal di sekitar Tokyo, Jepun melalui komunikasi mereka ketika dalam kelas dan di taman permainan di Jepun. Hasil kajian beliau menunjukkan rutin kesopanan kanak-kanak merupakan satu kaedah yang penting di mana kanak-kanak belajar menggunakan bahasa untuk menunjukkan empati, kebaikan dan lain-lain. Sifat-sifat ini menurutnya merupakan objektif utama sesebuah prasekolah Jepun. Dapatan kajian beliau memaparkan strategi seperti permintaan (*request-for delay compliance*), ucapan (*greetings and leave takings*), memberi dan menerima (atau menolak), memohon maaf, bertanya dan lain-lain seperti mengucapkan tahniah dan lain-lain.

Oleh kerana kemungkinan terdapat faktor persekitaran (Noor Azmira; 2001) seperti pergaulan dengan jiran atau dengan pembantu rumah mempunyai kesan ke atas komunikasi kanak-kanak Jepun yang tinggal di Malaysia (dalam kajian ini), maka sedikit tinjauan terhadap kajian terdahulu mengenai aspek penggunaan *one* dan 'lah' dalam bahasa Inggeris dilakukan. Walau bagaimanapun tidak banyak yang diperolehi tentang *one* berbanding 'lah' kecuali kajian oleh Zhiming (2011) yang menyatakan tentang penggunaan *one* dalam Singapore English. Menurut Zhiming, penggunaan *one* dalam Singapore English menggambarkan pengaruh bahasa Cina dan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama di Singapura. Beliau menegaskan bahawa tatabahasa *one* adalah pada asasnya tatabahasa bahasa China *de* yang diambil dari morfosintaks bahasa Inggeris *one*. Namun begitu, menurutnya, walaupun penggunaan *one* oleh penutur natif diterima namun penggunaannya sangat rendah.

Bagi penggunaan Bahasa Inggeris di Malaysia, penggunaan 'lah' merupakan ciri yang paling ketara digunakan (Zaidan, 1994). Kekerapan penggunaannya terlalu tinggi sehinggakan status sociolinguistiknya menjadi begitu kontroversial. Zaidan berpendapat bahawa 'lah' lebih banyak digunakan oleh penutur yang kurang berpendidikan tetapi Tongue (1974) menyatakan bentuk ini juga digunakan oleh penutur yang mempunyai pendidikan bahasa Inggeris yang baik. Fungsinya bergantung kepada konteks dan 'lah' boleh digunakan untuk menyatakan keintiman, pujukan, penolakan untuk melembutkan kesan imperatif (Zaidan, 1994: 138).

Kuang (2002) mengkaji tentang penggunaan 'lah', 'ah' dan 'hah' dalam perbualan harian yang diambil dari beberapa orang daripada kalangan penutur Melayu dan Cina di Malaysia yang dijadikan subjek kajiannya. Menurutnya, selain memberikan

fungsi penekanan, ketidaksetujuan dan teguran, 'lah' juga didapati digunakan dalam fungsi lain seperti menghina dan mengejek. Menurut Kuang 'ah' didapati lebih banyak digunakan dalam kalangan penutur berbangsa Cina di dalam perbualan mereka. Hasil kajiannya juga menunjukkan 'ah' ('aaa') sebanyak sekali sebagai satu soalan, manakala 'ah' atau 'aaa' yang berganda akan diambil sebagai jawapan 'ya'.

Di samping itu, Tay (1977) mendapati bahawa partikel 'lah' yang berasal dari bahasa Melayu dan juga Cina digunakan dengan meluas bukan sahaja oleh bangsa Melayu tetapi juga bangsa Cina dan juga India. Menurut Tongue (1974:114) bahawa,

"... walaupun di bawah had piawaian standard), penceramah berpendidikan bahasa Inggeris sering menggunakan dalam wacana tidak formal dengan rakan-rakan, bahkan juga pada acara-acara yang lebih rasmi".

Dari segi panggilan nama diri, Ide & Yoshida (1999:471) menyatakan bahawa dalam situasi yang biasa atau tidak rasmi (informal) terdapat pelbagai bentuk penggunaan gantinama diri di antara penutur asli Jepun. Penggunaan seperti 'boku' untuk penutur lelaki di semua peringkat umur, 'watashi' atau 'atashi' bagi wanita dewasa dan nama pertama (*first name*) + *chan* (*a diminutive suffix*) bagi gadis/ kanak-kanak perempuan muda. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas di Jadual 2.3.

Jadual 2.1: Panggilan ‘saya’ dalam Bahasa Jepun Mengikut Umur, Gender dan Situasi

| Penutur | Dewasa(<i>adult</i>) | | Kanak-kanak muda (<i>young child</i>) | |
|-------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| Rasmi (Formal) | <i>Watakushi</i> <i>Watashi</i> | <i>Watakushi</i> <i>Watashi</i> | <i>N/A</i> | <i>Watashi</i> |
| Tidak Rasmi (Informal) | <i>Boku</i> | (<i>W</i>) <i>Atashi</i> | <i>Boku</i> | Nama pertama + <i>chan</i> (<i>diminutive suffix</i>) |
| Kasar (Rough) | <i>Ore</i> | <i>N/A</i> | <i>Ore</i> | <i>N/A</i> |

Sumber: Ide & Yoshida (1999:471)

Menurut Clancy (1985:382-383), pada usia antara 2 hingga 3 tahun, kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan biasanya menggunakan nama pertama atau nama panggilan (*nickname*) untuk membahaskan diri mereka. Kemudian pada usia 3 tahun kanak-kanak lelaki akan mula menggunakan ‘*boku*’ manakala kanak-kanak perempuan akan menggunakan ‘*watashi*’ lebih lewat dari kanak-kanak lelaki. ‘*Ore*’ telah menjadi sebahagian dari ‘*repertoire*’ atau pilihan bagi kanak-kanak lelaki pada usia 3 tahun dan sebahagian dari mereka pada usia 4 tahun iaitu semasa mereka mula pergi ke tadika. Nakamura (2001) menyatakan bahawa rakan sebaya bagi kanak-kanak yang berumur antara 3 hingga 6 tahun didapati akan menegur rakan mereka dalam ekspresi atau penggunaan nama yang bersesuaian dengan gender (Nakamura, 2001:40).

Menurut Budwig (1989) dan Tanz (1980), penggunaan nama pertama (*First Name: FN*) adalah konkrit, jelas dan mudah untuk digunakan semasa belajar. Walau bagaimanapun kata ganti nama adalah lebih sukar untuk digunakan kerana perubahan perspektif bergantung pada siapa yang bertutur. Oleh itu dalam interaksi atau perbualan, kanak-kanak dan orang dewasa merujuk kepada diri sendiri dan membahaskan orang lain dengan menggunakan kedua-dua nama yang tepat dan kata ganti nama pertama dan kedua.

Kanak-kanak lelaki dan perempuan menggunakan nama pertama (*First Name*) untuk membahaskan diri mereka (Ide & Yoshida, 1999; Niyekawa, 1991; Clancy, 1985; Budwig, 1989; Tanz, 1980; Asmah, 1985). Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tersebut, mendapati ganti nama diri seperti *Watashi*, *Atashi*, *Boku* dan *Ore* juga digunakan dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan ketika membahaskan diri mereka.

Dalam aspek strategi komunikasi bukan lisan pula, seperti mana yang dinyatakan di awal bab ini, antara komunikasi bukan lisan yang digariskan oleh Berko, Wolvin & Wolvin (1992) adalah bahasa tubuh yang terdiri daripada lambang atau *emblems*, *illustrators*, pengaruh paparan atau *affect displays*, *regulators* dan *adaptors*. Contoh lambang atau *emblem* dapat ditunjukkan seperti isyarat tanda bagus di mana hanya ibu jari ditegakkan dan jari-jari lain dilipatkan ke dalam gengaman.

Di samping itu, membuka kelima-lima jari bermaksud ‘tunggu sekejap’. *Illustrators* digambarkan dengan gerak geri yang disertakan dengan ujaran contohnya menunjuk dengan jari telunjuk pada peta sambil memberitahu bagaimana untuk sampai ke sesuatu tempat. Pengaruh paparan ditunjukkan dengan ekspresi muka yang menggambarkan emosi dan perasaan seperti gembira atau sedih. Antara contoh pengaruh paparan adalah seperti mengenyitkan mata, mengangkat atau menurunkan kening dan alis mata, menunjuk ke arah sesuatu mungkin dengan memuncungkan mulut. Manakala *regulators* adalah komunikasi bukan lisan yang mengekal dan mengawal perbualan dan pendengaran antara dua orang atau lebih. Contohnya

anggukan kepala, pergerakan mata dan pergerakan badan adalah ciri-ciri *regulators* yang menggalakkan atau tidak menggalakkan sesuatu perbualan.

Sebagai contoh yang menunjukkan ciri-ciri *regulators* adalah seperti apabila sesuatu mesyuarat telah berlarutan hingga 4 atau 5 jam, ada di antara ahlinya yang mula memandang jam pada dinding atau jam di tangan. Ini menunjukkan mereka telah tidak berminat meneruskan ataupun telah keletihan untuk meneruskan mesyuarat yang telah lama berlarutan. Selain daripada itu contoh lain seperti menarik laci dan mengalihkan pandangan pada jam tangan atau pada dokumen-dokumen lain di atas meja juga menunjukkan bahawa temu janji antara mereka telah berakhir atau tidak berminat untuk meneruskan perbincangan. Dengan kata lain, ini bermakna tanda *regulatorsnya* menunjukkan bahawa urusan antara mereka telah selesai. Malangnya, isyarat seperti ini tidak dapat difahami oleh mereka yang tidak peka kepada bahasa tubuh seperti *regulators* ini.

Menurut Berko, Wolvin & Wolvin (1992), *Adaptors* adalah pergerakan pada badan yang menunjukkan keresahan. Contohnya pergerakan kaki yang menendang-nendang sesuatu ketika menunggu seseorang dengan tangan yang bersilang, kemudian jari-jarinya mengetuk tangan paling atas, kaki bersilang dan kaki mengetuk-ngetuk di kaki lima jalan. Semua perlakuan ini menunjukkan pergerakan yang mengiringi kebosanan dan keresahan. Selain daripada itu cara seseorang berjalan juga boleh menunjukkan mood, status, etnik, gabungan budaya dan persepsi diri. Berko, Wolvin & Wolvin (1992) memberikan contoh iaitu orang yang berjalan dengan penuh keyakinan selalunya mendongakkan kepala, bahu ke belakang, memegang rahang (dagunya) dan sentiasa berkeyakinan dalam setiap pergerakan. Manakala orang yang berjalan dengan

kedudukan bahu yang jatuh dan mata memandang ke bawah mungkin menunjukkan kurang keyakinan diri.

Selain daripada itu, Berko, Wolvin & Wolvin juga menyatakan bahawa muka dan mata adalah satu perkara yang penting dalam komunikasi bukan lisan. Menurutnya, apabila anak mata seseorang itu besar, ia dikatakan lebih mesra dan lebih menarik. Sebaliknya, apabila seseorang itu mempunyai anak mata yang lebih kecil, ia menunjukkan perasaan yang dingin atau tidak mesra dan mementingkan diri sendiri. Menurut Berko, Wolvin & Wolvin juga, anak mata akan membesar jika seseorang itu sedang menumpukan perhatiannya kepada perkara atau benda yang disukainya. Sebaliknya anak mata akan mengecil bila seseorang itu bosan atau tidak berminat dengan sesuatu perkara atau benda di hadapannya.

Aspek komunikasi bukan lisan yang kedua yang akan dilihat dalam kajian ini adalah *Paralanguage*. *Paralanguage* adalah semua kesan vokal yang dilakukan ketika mengiringi ujaran, contohnya intonasi suara (Berko, Wolvin & Wolvin, 1992). Kadar (kelajuan), isipadu (kuasa), nada (seperti soprano atau bass), jeda (berhenti) dan tekanan (keamatan) bunyi semua mempunyai makna yang tertentu. Semua ini sering dirujuk sebagai isyarat vokal. Menurut Berko, Wolvin & Wolvin (1992), apabila seseorang itu marah, nada suaranya akan meninggi. Nada suara akan turut meninggi apabila seseorang itu sangat teruja kepada sesuatu perkara. Apabila seseorang itu menjadi tersangat marah, kadang-kadang seseorang itu akan bercakap pada kadar kelajuan yang sangat perlahan tetapi sangat jelas dan akan berhenti pada setiap perkataan untuk memberi kesan yang luar biasa. Menurut Berko, dengan melihat atau mendengar isyarat-isyarat vokal ini, gender, umur dan status seseorang itu dapat

diketahui. Selain itu, keadaan personaliti dan emosi seseorang juga boleh diketahui dengan memerhati aspek *paralanguage* seseorang.

Di samping itu, menurut Givens D. B. (2005) di antara maksud bagi menyetekkan kepala ke sisi mungkin adalah untuk menunjukkan keramahan, memupuk hubungan baik dan menunjukkan perasaan malu serta memberi tindakbalas terhadap sesuatu yang tidak matang ataupun sesuatu yang comel seperti binatang peliharaan contohnya anak kucing. Ia juga boleh bermaksud untuk menunjukkan mempunyai pendapat yang berbeza contohnya dengan ketua di pejabat. Namun begitu, ini berbeza dengan kajian awal yang dijalankan oleh Jokinen & Campbell (2008), di mana dapatan kajian beliau membuktikan bahawa orang China dan Jepun tidak menggerakkan bahu atau mengangkat bahu mereka untuk menunjukkan ketidakpastian ataupun perasaan teragak-agak sebaliknya lebih suka menggelengkan kepala atau membuka kedua belah tangan mereka ke sisi. Hasil kajian Jokinen & Campbell (2008) juga menunjukkan subjek kajian yang berbangsa Jepun mengiktiraf mengangkat bahu sebagai tidak pasti dan teragak-agak namun mereka akan menyatakannya dengan menyetekkan kepalanya ke sisi untuk menunjukkan perasaan itu.

Selain itu, Nierenberg & Calero (2001) menyatakan bahawa, manusia akan melakukan lebih banyak *eye contact* ketika mereka mendengar berbanding ketika bercakap. Mereka juga menunjukkan pandangan dengan perasaan benci (*gaze aversion*) apabila ditanya soalan yang akan menimbulkan perasaan tidak selesa atau rasa bersalah. Sebaliknya, ketika bertanya atau bertindakbalas terhadap sesuatu kenyataan yang menimbulkan perasaan *defensive* dan agresif, hubungan mata (*eye contact*) akan meningkat secara mendadak. Menurut Nierenberg & Calero (2001), anak mata akan

membesar apabila perasaan seseorang itu terangsang. Manusia menghargai *eye contact*, dimana ia selalu diperoleh daripada perbualan antara sahabat secara separa sedar di mana ia dianggap sebagai petunjuk kepada keyakinan, keikhlasan dan kuasa (Mason, 2003). Wainwright (2003) pula menekankan tentang enam fungsi *eye contact* iaitu, mendapatkan informasi, menunjukkan perhatian dan minat, mengajak dan mengawal interaksi, mendominasi, mengancam dan mempengaruhi orang lain, memberi maklum balas semasa ucapan serta mendedahkan sikap.

Selain itu, ciri-ciri *paralanguage* yang menunjukkan sikap hormat dan sopan adalah *breathiness*, keterbukaan, merendahkan suara dan meninggikan nada suara. Sebagai contoh, *breathiness*, suara yang perlahan, dan nada suara yang tinggi adalah isyarat seorang perempuan kepada gender yang berbeza dalam bahasa Inggeris. Samsudin (2003) pula menyatakan bahawa antara yang tergolong dalam komunikasi bukan lisan adalah seperti, nada suara, corak air muka, isyarat tangan dan isyarat-isyarat lain yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Menurut beliau, isyarat tanpa lisan memainkan tiga peranan penting dalam komunikasi iaitu ia mengganti, mengukuh dan mencanggah komunikasi lisan.

Selain dari pada itu, berhubung dengan ekspresi muka, Ghiradelli (1672, dalam Key, 1975) menghuraikan tentang fungsi hidung dalam hubungan komunikasi. Menurut beliau menggerakkan hidung (dua bukaan (lubang) pada hidung) untuk mengusik, mengejek atau mempermainkan orang lain dan juga untuk menunjukkan sesuatu yang jijik juga merupakan satu lagi cara yang menyumbang kepada komunikasi bukan lisan. Antara cara yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu ekspresi muka adalah seperti mengerutkan hidung, mengembangkan lubang hidung atau lubang hidung yang

bergerak-gerak (*twitch*). Malah, hidung juga selalu dikaitkan dengan sesuatu perkara yang tidak digemari atau sesuatu perkara yang negatif.

Oleh kerana strategi komunikasi itu boleh berlaku sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau bukan lisan, maka kedua-dua aspek lisan dan bukan lisan dalam strategi komunikasi akan dilihat di dalam kajian ini. Namun begitu, komunikasi lisan merupakan fokus penting dalam memastikan kelancaran penggunaan strategi komunikasi dalam kajian ini. Penggunaan komunikasi lisan akan membantu penulis dalam mengkategorikan jenis-jenis strategi komunikasi yang digunakan. Oleh kerana komunikasi bukan lisan adalah sangat luas, maka kajian dalam bahagian strategi komunikasi bukan lisan akan mengehendkan tumpuan kepada paralinguistik (*paralanguage*) dan bahasa tubuh sahaja. Ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi kefahaman penulis tentang strategi komunikasi bukan lisan yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini.

Menurut Selinker (1972), strategi komunikasi dikaitkan dengan kesilapan-kesilapan tertentu yang dilakukan oleh pelajarnya (pelajar bahasa kedua) dalam subjek '*Interlanguage*'. Beliau menyatakan bahawa kesilapan tertentu ini bermakna usaha sampingan yang dilakukan untuk menghuraikan maksud dalam percakapan spontan kerana kekurangan penguasaan dalam sistem bahasa sasaran. Seterusnya, kajian-kajian Puteri Roslina (2004), Sanimah Hussin (2007), Roslina Mamat (1999), Aminah Hj. Mahmud (1996), Corder (1983) dan Tarone (1981) mengkaji strategi komunikasi penutur bahasa kedua.

Menurut Puteri Roslina (2004) dalam 'Bahasa Antara', Varadi (1973), adalah orang pertama yang menyelidik berkenaan strategi komunikasi secara percubaan. Dalam kajian Varadi, dua kumpulan orang dewasa sebagai subjek diminta menghuraikan lukisan dan menterjemahkan dalam versi Bahasa Hungary kepada Bahasa Inggeris. Dalam kajian beliau, tiga bentuk strategi komunikasi telah digunakan oleh subjek kajian iaitu penggunaan istilah *super-ordinat*, contohnya, 'man' untuk 'salesman' dan kedua, aproksimasi atau rekonstruksi untuk bahagian komponen semantik dalam bahasa sasaran seperti 'airring' untuk 'balloon' dan ketiga adalah strategi pembentukan semula mesej atau sirkomlokasi apabila gagal menerangkannya dalam bahasa sasaran. Sebagai contohnya, 'special toys for children...they are filled with air' untuk 'balloon'.

Corder (1983:17) menerangkan strategi komunikasi dari pandangan pelajar bahasa kedua. Apabila pelajar menghadapi masalah hendak menyampaikan mesej atau maksudnya pelajar bahasa kedua dipercayai mempunyai matlamat (*ends*) dan pendekatan (*means*) yang sering berada dalam keadaan tidak seimbang, iaitu kecekapan linguistik tidak mencukupi untuk menghasilkan mesej yang ingin di sampaikan. Beliau juga telah mendapati terdapat dua jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh subjeknya iaitu strategi pengubahsuaian mesej bagi maksud untuk mengelak risiko dan strategi peluasan sumber iaitu pelbagai cara yang digunakan sehingga pelajar berjaya menyampaikan mesej mereka.

Tarone (1981) pula mendefinisikan strategi komunikasi sebagai sesuatu usaha yang diambil oleh dua interlokutor untuk bersetuju menerima satu makna dalam sesuatu situasi ketika syarat makna struktur tidak dapat di kongsi. Dalam makna lain,

strategi komunikasi berlaku apabila seseorang interlocutor menghadapi masalah sama ada untuk memahami mesej yang telah disampaikan kepadanya atau masalah untuk menyampaikan mesej yang dimaksudkannya kepada pendengarnya. Tanpa memihak kepada sasaran subjek atau responden yang khusus, di antara strategi komunikasi yang dinyatakan oleh Tarone (1981) (melalui Bialystok, 1990: hlm 39) dalam bukunya '*Communication strategies*' adalah seperti pengelakan iaitu peninggalan mesej dan penghampiran, parafrasa iaitu penghampiran, penciptaan perkataan baru dan penghuraian, pemindahan secara sedar iaitu terjemahan literal dan penukaran kod bahasa, rayuan kerjasama dan penggunaan isyarat.

Selain dari itu, kajian Sanimah Hussin (2007) membincangkan penggunaan strategi komunikasi di kalangan pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia yang mempelajari bahasa Jepun sebagai subjek elektif atau kursus kemahiran bahasa. Di antara dapatan hasil kajian Sanimah Hussin (2007) ialah strategi mengelakkan topik, meninggalkan mesej, penghampiran, sirkumlokasi dan terjemahan. Menurut Sanimah, penguasaan jenis-jenis strategi komunikasi dalam kalangan pelajar dapat membantu mereka menyampaikan mesej dalam komunikasi lisan bahasa Jepun dengan lebih baik.

Seterusnya, dalam kajian Roslina Mamat (1999), strategi komunikasi dilihat dalam aspek subjek kajian yang mempunyai peringkat penguasaan bahasa Jepun yang berbeza. Roslina memantau strategi yang digunakan oleh 20 orang pelajar yang mengikuti program persediaan Teknikal ke Jepun di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian beliau mendapati strategi mengambil masa seperti berhenti, jeda, memanjangkan vokal, pengulangan dan *aizuchi* kerap digunakan oleh responden kajian sewaktu berkomunikasi. Strategi bukan lisan merupakan strategi komunikasi yang paling banyak digunakan oleh responden kajian Roslina (1999).

Seterusnya, Aminah Hj. Mahmud (1996) menjalankan kajian strategi komunikasi pelajar-pelajar Melayu dalam pertuturan bahasa Inggeris di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Hasil daripada kajian beliau menunjukkan pelajar yang kurang mahir cenderung menggunakan jeda, pengulangan dan pengelakan manakala pelajar yang agak mahir lebih banyak menggunakan strategi penghampiran. Hasil kajian juga mendapati strategi yang paling berkesan yang digunakan oleh pelajar-pelajar ini dalam menyampaikan mesej ialah strategi pengulangan.

2.9 Gaya Komunikasi Masyarakat Jepun

Masyarakat Jepun sangat mementingkan komunikasi dalam kehidupan mereka. Kepelbagaian gaya komunikasi yang dilahirkan adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti status, umur, masa dan sebagainya. Dari aspek pragmatik dalam gaya komunikasi, Naotsuka (1980) membincangkan mengenai masalah pengelakan masyarakat Jepun untuk mengatakan “tidak” secara langsung. Ueda (1974) melaporkan bahawa masyarakat Jepun mempunyai 16 cara untuk mengatakan “tidak”. Dalam hasil kajian beliau mendapati bahawa, pembohongan dan pengelakan adalah cara yang paling popular untuk menolak sesuatu permintaan, sedangkan perkataan “tidak” jarang sekali digunakan. Manakala dari segi menerima pujian, Barnlund dan Araki (1985) menyatakan bahawa masyarakat Jepun akan mempersoalkan ketetapan, menafikan, memberi respon dengan hanya memberi senyuman atau tidak berkata apa-apa. Sakamoto dan Naotsuka (1983) dipetik dalam Gudykunst (1994) melaporkan bahawa masyarakat Jepun jarang menerima pujian dan tidak menggunakan ekspresi mencela ketika dipuji.

Di samping itu, Naotsuka (1980) dalam Gudykunst (1994) menjelaskan bahawa permintaan maaf masyarakat Jepun adalah kurang serius dari segi maksudnya dan ia digunakan hanya sebagai isyarat atau '*social lubricant*' dimana ia berperanan dalam membantu mengekalkan hubungan interpersonal yang baik. Sugimoto (1995) membuat kesimpulan bahawa laras bahasa atau *speech act* bagi permintaan maaf di antara masyarakat Jepun adalah termasuk menyerah atau menunjukkan '*indebtedness towards the person apologized*'. Selain itu, Barnlund (1983) yang menganalisis bentuk kritikan interpersonal masyarakat Jepun mendapati masyarakat Jepun mencuba untuk tidak menunjukkan ketidakpuasan dan akan mendedahkan ketidakpuasan kepada pihak ketiga, secara tanpa lisan, bergurau dan dengan cara yang tidak jelas makna atau tujuannya.

Dalam membincangkan perkara yang sama, Miyahara (1992) menjelaskan bahawa seseorang individu Jepun sangat berhati-hati untuk tidak mendedahkan perasaan mereka secara langsung apabila terlibat dengan orang lain. Menurutnya, masyarakat Jepun menggunakan komunikasi secara tidak langsung, membaca fikiran orang lain dan mempersembahkan idea secara tidak langsung. Dari pandangan masyarakat Barat, Klopff, Ishii & Cambra (1995) berpendapat kekaburan dan ketidakjelasan merupakan ciri-ciri komunikasi masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun dikatakan enggan untuk mengekspresikan idea dan perasaan mereka dengan jelas dan terbuka.

Menurut Klopff, Ishii & Cambra (1995), masyarakat Jepun khuatir atau takut yang mereka mungkin akan mengganggu keseluruhan keharmonian dalam sesuatu hubungan interpersonal. Kemungkinan adalah sangat sukar bagi masyarakat Jepun

untuk memulakan perbualan dengan orang asing kerana mereka terlalu bergantung kepada perkara-perkara berkaitan dengan hubungan hierarki. Hal ini telah disokong oleh Kim (1999) yang menegaskan bahawa “dalam budaya Jepun, kecenderungan untuk mengkritik diri (pendedahan diri yang negatif) boleh menjadi satu cara untuk mengesahkan identiti diri sebagai saling bergantung.” Ini menunjukkan kesediaan seseorang individu untuk terlibat di dalam proses mempertingkatkan diri yang mungkin hanya akan dicapai dengan mempertahankan hubungan yang harmoni dengan orang lain. Saling bergantung (*interdependent*) adalah satu unsur penting iaitu rasa kesejahteraan bagi seseorang yang berbangsa Jepun (Kim, 1999).

Di samping itu, masyarakat Jepun turut memiliki cara komunikasi lain yang dikenali sebagai ‘*silent communication*’ yang bermaksud komunikasi senyap. Komunikasi senyap atau diam ini telah lahir dalam masyarakat Jepun sejak dahulu kala. Masyarakat tradisional Jepun di anggap sebagai masyarakat yang kurang menggunakan perkataan (*kamoku*) yang cenderung untuk tidak memberi pendapat, tidak beremosi di tempat umum dan lebih memikirkan tentang sikap (*seikaku ni yoru*) dan pandangan orang lain. Apabila mereka hendak menyatakan sesuatu, mereka akan menyatakan secara jelas kepada orang yang rapat dengan mereka tetapi tidak akan mengucapkan secara santai tanpa memikirkan secara mendalam, dan ini mengakibatkan terjadinya tindakan senyap. Ini merupakan sebab kenapa mereka menggunakan perkataan dalam percakapan sebagai cara terakhir dalam menyelesaikan sesuatu masalah (Wong, 2010). Ini jelas menunjukkan masyarakat Jepun sentiasa mengutamakan perasaan orang lain untuk mengekalkan keharmonian dalam sesuatu hubungan tersebut.

Dalam membincangkan isu ini, Wong (2010) menyatakan bahawa masyarakat Jepun menganggap suasana persekitaran awam sebagai tempat suci di mana mereka harus menjaga tingkah laku dan mengawal diri mereka dengan tertib. Makna '*silence*' atau mendiamkan diri adalah lebih positif dan lebih cenderung kepada menjaga keharmonian perhubungan dan sebagai tanda rasa hormat kepada persekitaran. Wong menyatakan bahawa mendiamkan diri (*silence*) berlaku mengikut situasi, konteks dan keakraban sesuatu perhubungan yang membawa kepada perubahan tingkahlaku. Beliau juga menyatakan bahawa dari perspektif masyarakat Jepun, kenyataan dan pendapat yang diberikan secara langsung dan jelas adalah bersifat menyerang dan mendesak.

Di samping itu, Wong (2010) turut menegaskan bahawa dalam menyatakan pendapat dan pertimbangan, masyarakat Jepun didapati lebih suka memberi masa dan ruang kepada orang lain untuk memberi reaksi dan membuat kesimpulan sendiri. Perkara seperti ini akan membuatkan seseorang itu berfikir dengan tindakan mendiamkan diri di mana suatu respons yang lebih bermakna dapat dihasilkan. Walau bagaimanapun, adalah perlu di ambil perhatian bahawa masyarakat Jepun adalah terdiri daripada masyarakat moden yang sedang mengalami perubahan yang pantas dengan perkembangan sains dan teknologi dan globalisasi. Perbezaan generasi dalam kalangan masyarakat Jepun juga berkemungkinan boleh menyebabkan berlakunya perubahan dalam konteks komunikasi '*silence*' ini. Menurut Wong, untuk berkomunikasi dengan generasi masyarakat Jepun yang paling muda iaitu yang berumur di bawah 19 tahun, menggunakan khidmat pesanan ringkas atau 'sms' adalah cara yang terbaik bagi bentuk mesej bertulis. Walaubagaimanapun, '*silence*' dalam golongan muda ini boleh memberi maksud negatif. Dalam konteks ini, Wong memberikan contoh ketidakpuasan hati atau '*dissatisfaction*' dan kemarahan.

Sehubungan dengan ini, Md Nasrudin, Asmadi dan Rohayati (2008; 60-68) telah menyatakan bahawa antara konsep atau nilai-nilai yang membentuk identiti sosial masyarakat Jepun adalah seperti '*uchi*' (masyarakat dalam kelompok yang sama dan mempunyai hubungan yang rapat) dan '*soto*' (masyarakat dari kelompok yang berbeza dan pertalian hubungan yang jauh atau langsung tidak dikenali), '*honne*' dan '*tatemai*' (perasaan sebenar dan tingkah laku yang ditunjukkan), '*giri*' dan '*ninjo*' (tanggungjawab dan perasaan sendiri), '*reigi*' dan '*saho*' (adab bagi menjaga hubungan baik sesama manusia dan cara yang telah ditetapkan) dan lain-lain. Konsep dan nilai ini telah mempengaruhi perbuatan dan cara berkomunikasi oleh masyarakat Jepun, seperti adab menghulur dan menerima barang, melayan tetamu. Mereka juga menyatakan bahawa terdapat tiga peringkat bahasa pertuturan yang digunakan oleh masyarakat Jepun sewaktu berkomunikasi iaitu bahasa merendah diri, bahasa sopan dan bahasa penuh hormat yang bertujuan untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat.

Jika di negara-negara lain, seperti China, adalah menjadi tanggungjawab seorang penutur untuk menyampaikan mesejnya dengan jelas dan mudah difahami oleh penerima mesej atau pendengarnya. Namun begitu, menurut Tobin, Wu dan Davidson (1989), bagi masyarakat Jepun, kejayaan sesuatu komunikasi itu bergantung kepada kemampuan untuk memahami perasaan dan gerak hati (intuitive) pendengar dan si penerima mesej atau pendengarnya pula adalah diharapkan dapat memahami mesej yang di hantar (Lebra 1976; Nagashima; 1973). Dalam ertikata lain, ini bermaksud bahawa, adalah menjadi perkara paling utama bagi semasyarakat Jepun untuk memperoleh '*empathic skills*' (kemahiran dalam sifat memahami orang lain) dan menjadi lebih sensitif atau perihatin terhadap perasaan, pemikiran dan pandangan orang

lain (Nagashima, 1973). Maka dengan sebab inilah pengajaran empati atau '*omoiyari*' menjadi sangat penting dalam budaya dan kehidupan masyarakat Jepun.

Menurut Tobin, Wu dan Davidson (1989) yang telah menemuramah guru dan pentadbir prasekolah dari Jepun, China dan Amerika dengan bertanya, "Apakah perkara yang paling penting bagi kanak-kanak untuk belajar di prasekolah?" (p.190). Hasil kajian mereka menunjukkan, 31 peratus responden Jepun menyatakan bahawa empati atau '*omoiyari*' iaitu kebolehan dan kesediaan merasai apa yang dirasai oleh orang lain sebagai pilihan utama berbanding 4 peratus bagi orang China dan 5 peratus bagi orang Amerika dalam perkara yang sama. Cara berkomunikasi masyarakat Jepun yang dinyatakan itu mempunyai beberapa nilai keharmonian yang dikatakan telah diterapkan sejak usia kanak-kanak oleh pengkaji-pengkaji terdahulu adalah *omoiyari* atau perasaan empati iaitu kesediaan untuk merasakan apa yang dirasakan oleh orang lain (Lebra, 1973).

Befu (1986) dan Vogel (1963) dipetik dalam Lau (2006) pula berpendapat '*omoiyari*' adalah melatih membuat pertimbangan yang baik terhadap perasaan orang lain. Selain daripada itu, Md Nasrudin, Asmadi dan Rohayati (2008) menerangkan bahawa nilai-nilai seperti bertolak ansur antara golongan lebih dewasa terhadap golongan yang muda, sikap berdisiplin, bertanggungjawab, tekun, bersabar, tabah, berusaha, berdikari, bergantung pada diri sendiri dan belajar untuk memahami diri sendiri supaya dapat memahami orang lain adalah antara nilai-nilai yang diberi keutamaan dalam didikan anak-anak masyarakat Jepun. Menurut mereka, satu lagi nilai yang penting bagi masyarakat Jepun adalah meletakkan kepentingan diri sendiri di

tempat kedua. Prinsip ini adalah prinsip yang sentiasa diguna pakai oleh masyarakat Jepun sejak dari zaman persekolahan sehingga ke alam pekerjaan.

2.10 Aspek Kesopanan masyarakat Jepun

Salah satu perlakuan yang melambangkan kesopanan bagi masyarakat Jepun adalah menunduk atau *O-jigi* atau *Orei*. Menunduk adalah salah satu bentuk sapaan bukan lisan yang dipraktikkan dalam budaya tradisional masyarakat Jepun (Che Radiah Mezah, 2009). Bagi orang lelaki, mereka melakukannya dengan meletakkan tangan di sisi badan apabila menunduk sambil memandang ke bawah. Manakala kaum wanita pula, akan meletakkan tangan di paha apabila menunduk sambil mata memandang ke bawah. Secara umumnya, masyarakat Jepun akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada tetamu (Che Radiah Mezah, 2009)..

Dari pandangan Barat, Brown dan Levinson (1987) menyatakan bahawa strategi kesopanan adalah faktor penting dalam memberi hasil komunikasi yang tidak mengecewakan atau demi menjaga hati si pendengar supaya tidak tersinggung. Ianya meliputi strategi kesopanan positif dan strategi kesopanan negatif. Terdapat beberapa aspek yang menggambarkan kesopanan positif yang digariskan oleh Brown dan Levinson yang diantaranya adalah perhatian, permintaan dan kemahuan, memberi keizinan, simpati, mendapatkan persetujuan, mengelak perbalahan atau ketidaksetujuan pendapat, menganggap berada di pihak yang sama atau mempunyai pendapat yang sama, bergurau dan sebagainya. Brown dan Levinson juga menggariskan beberapa aspek dalam kesopanan negatif seperti pesimistik, memberi kelainan, meminta maaf, dan sebagainya.

Menurut Matsumoto (1988) kesantunan pada umumnya dianggap sebagai strategi untuk mempertahankan hubungan yang harmoni antara mereka yang saling berinteraksi dan untuk memastikan kelancaran kemajuan komunikatif (Matsumoto, 1988). Beliau menyatakan bahawa kesopanan sebagai alat untuk meminimumkan konfrontasi dalam wacana. Jadi, kesantunan memainkan sebahagian daripada peranan dalam menjaga ketenteraman awam komunikasi dan ketenteraman awam sosial. Walau bagaimanapun, cara-cara di mana kesantunan terhasil dijangkakan boleh berubah dalam konteks penggunaan yang berbeza kerana pendengar dan penutur berasal dari budaya dan latar belakang yang berbeza. Fraser dan Nolen (1981:96) menyatakan bahawa bersikap sopan adalah untuk mematuhi peraturan-peraturan hubungan supaya semua penutur dapat menyumbang dengan baik dan juga untuk menjaga hati masing-masing supaya tidak tersinggung.

Aspek kesopanan dalam masyarakat Jepun merangkumi komunikasi lisan dan bukan lisan. Selain daripada perbuatan menundukkan kepala atau melalui komunikasi bukan lisan, aspek kesopanan paling ketara dapat dilihat melalui bahasa pertuturan mereka. Pada asasnya, Bahasa Jepun terbahagi kepada tiga peringkat iaitu bahasa merendah diri (*kenjogo*), bahasa sopan (*teineigo*) dan bahasa penuh hormat (*sonkeigo*). Md. Nasrudin, Asmadi & Rohayati (2008:65-66) telah memberi contoh seperti apabila bercakap dengan orang yang lebih tinggi tarafnya, masyarakat Jepun akan menggunakan peringkat bahasa '*kenjogo*' bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan diri sendiri dan menggunakan peringkat bahasa '*sonkeigo*' bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendengar. Sebaliknya, apabila bercakap dengan orang yang sama taraf yang tidak dikenali tetapi perlu dihormati, masyarakat Jepun akan menggunakan '*teineigo*'. Tujuan ketiga-tiga peringkat bahasa pertuturan ini digunakan adalah untuk

memelihara adab sopan dan menjaga hubungan baik dengan orang lain. Menurut Clancy (1985), aspek kesopanan dalam kalangan kanak-kanak Jepun dapat dilihat dalam penggunaan ‘*masu*’ di setiap hujung ujaran perbualan mereka.

Di samping itu, menurut Niyekawa (1991), terdapat 3 peringkat kesopanan dalam tradisi masyarakat Jepun iaitu peringkat N yang terdiri daripada peringkat ayat gaya biasa atau penggunaan ‘*da*’ di hujung ayat, peringkat antara P0 dan P1, iaitu peringkat ayat sopan dan ayat lebih sopan yang menggunakan ‘*desu-masu*’ di hujung ayat dan peringkat P2 iaitu peringkat ayat paling sopan dengan penggunaan ‘*gozaimasu*’ di hujung ayat. Kesemua P0, P1 dan P2 di kategorikan sebagai peringkat kesopanan P.

Antara ayat-ayat sopan yang tergolong di bawah kumpulan ‘*desu-masu*’ adalah seperti *desu*, *deshita*, *deshoo* atau *masu*, *-mashita*, *-masen*, *mashoo* dan *gozaimasu*. Ayat-ayat sopan dengan mudah dapat dikenalpasti perbezaannya dengan semua “*plain verb ending*” di hujung ayat bagi peringkat N iaitu ayat gaya biasa. Antara beberapa contoh penggunaan ayat peringkat kesopanan berbeza adalah seperti yang ditunjukkan di contoh 1 dan contoh 2. Contoh-contoh di bawah ini telah diterjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu untuk tujuan kajian ini.

Contoh 1: Kamu pergi ke? (*Did you go?*)

Peringkat N (peringkat ayat biasa)

(N) M - Lelaki: Kimi *itta ka (i)*?

(N) F -Perempuan: Anta *itta (no)*?

(N) F+ -Perempuan: Anta *irasshatta (no)*?

(F+ penutur perempuan yang bercakap dengan menunjukkan rasa hormat kepada penerima mesej)

Peringkat P0-P1 (peringkat ayat sopan)

(P0) : Anatawa *ikimashita ka?*

(P1) : LN san/ Sensei wa *irasshaimashita ka?*

Peringkat P2 (peringkat ayat paling sopan)

(P2) : LN san/ Sensei wa oide ni *nararemashita ka?*

* LN- 'Last name'

Contoh 2: Saya nak pergi. (*I am going*)

(N) Lelaki : *Boku iku.*

(N) Perempuan : *Watashi / Atashi iku wa.*

(P0) : *Watashi wa ikimasu.*

(P1) : *Watakushi wa mairimasu.*

(P2) : *Watakushi wa mairasete itadakimasu ga...*

(dipetik dari Niyekawa,1991; hlm. 45 & 46)

2.10.1 Perbezaan ujaran kesopanan antara lelaki dan perempuan Jepun

Adalah menjadi tradisi di dalam norma perilaku masyarakat Jepun, di mana faktor gender diambil kira dalam kebanyakan perkara (Okamoto, 2002). Sebagai contoh, wanita sering menutup mulut mereka ketika ketawa kerana ketawa sehingga menampakkan gigi adalah sesuatu yang tidak menyenangkan. Wanita juga bercakap dalam cara yang berbeza berbanding lelaki. Bentuk-bentuk khas bahasa yang digunakan oleh wanita Jepun mencerminkan imej diri wanita itu dan bagaimana wanita dilihat dalam masyarakat. Ucapan feminin kerap ditafsirkan sebagai simbol ketidakupayaan sosial wanita Jepun dan status sosial mereka yang rendah (Ide, 1982; Okamoto, 1995 dan Smith, 1992). Berbanding ucapan maskulin masyarakat Jepun, ucapan feminin digambarkan sebagai lembut, ucapan secara tidak langsung, sopan,

tidak berdaya, tidak tegas dan tidak menonjolkan diri. (Okamoto, 1995, 2009; Shibamoto, 1985; Smith, 1992).

Selain itu, lelaki Jepun menggunakan perkataan akhir seperti *ze*, *yo* dan *na* yang menggambarkan sebagai berperangai kasar, kuat dan bertenaga. Sementara wanita Jepun menggunakan perkataan akhir seperti *wa*, *no* dan *kashira* yang menggambarkan kelembutan, keraguan dan kurangnya ketegasan (Ide, 1994). Wanita Jepun menggunakan kata ganti pertama yang berbeza dengan lelaki Jepun. Perkataan *Atakushi* dan *atashi* adalah untuk wanita manakala *boku* dan *ore* adalah untuk lelaki (Ide, 1990). Wanita berusaha mengelakkan menggunakan perkataan *boku* dan *ore* dan menunjukkan sikap yang baik (Miyazaki, 2002). Ide (1979) berpendapat bahawa ucapan feminin menunjukkan peranan sosial wanita yang harus lembut untuk mewujudkan keadaan yang aman dan menyenangkan bagi orang lain dan sebagainya. Ide (1990) berpendapat bahawa ramai masyarakat Jepun percaya bahawa wanita harus berbicara lebih sopan daripada orang lelaki. Okamoto (2002) menyatakan bahawa media menyebarkan idea bahawa bercakap sopan adalah kemampuan penting bagi seorang wanita yang terpelajar.

Perbezaan ujaran lelaki dan perempuan hanya dapat dilihat pada peringkat N dan kemudian hilang di peringkat P. Ujaran kesopanan bagi perempuan adalah secara umumnya, perempuan bercakap dengan satu peringkat lebih sopan berbanding lelaki dan ini dapat dilihat seperti contoh P0 dan P1 di atas. Berikut merupakan contoh yang dinyatakan oleh Niyekawa (1990:50-51) mengenai ujaran kesopanan lelaki dan perempuan:

1. Membahasakan diri sendiri pada peringkat N :
 Lelaki: *Boku, Ore*
 Perempuan: *Watashi, Atashi*
2. Panggilan untuk penerima mesej / pendengar pada peringkat N:
 Lelaki: LN / FN –kun *FN- *First Name*, LN – *Last Name*
 Perempuan: LN / FN - san
3. ‘*Sentence particle*’ terutamanya pada peringkat N: (di hujung ayat)
 Lelaki: *yo, zo, ze, na*
 Perempuan: *yo, wa, no, ne*
4. Penggunaan awalan ‘*o-* prefix’ untuk nama biasa (common noun) oleh perempuan
 contohnya: ‘*onamae*’ untuk maksud ‘nama’ yang biasanya disebut ‘*namae*’ sahaja.
5. Peringkat ujaran: Perempuan menggunakan lebih banyak perkataan yang melambangkan kesopanan berbanding lelaki dalam situasi yang sama.
6. Penggunaan ujaran peringkat N ke bawah.

Lelaki akan menggunakan ujaran peringkat N pada sesiapa sahaja yang lebih bertaraf rendah. Sementara secara umumnya perempuan hanya menggunakannya apabila bertemu dengan orang yang benar-benar berstatus rendah seperti kepada pelajar, kanak-kanak dan pembantu rumah.

Selain daripada itu, menurut Md. Nasrudin, Asmadi dan Rohayati (2006), meskipun komunikasi di kalangan masyarakat Jepun berkonsep oriental, namun mereka sangat mementingkan keharmonian dalam kehidupan mereka. Masyarakat Jepun akan memastikan keharmonian mereka sentiasa terpelihara dalam hubungan sosial sesama manusia. Kanak-kanak Jepun dilatih dan dididik untuk berkelakuan baik bagi mengekalkan suasana harmoni yang wujud. Mereka diajar dengan didikan positif seperti meletakkan diri mereka di tempat orang lain sewaktu melakukan sesuatu,

melatih untuk tidak mementingkan diri sendiri, menghormati orang lain, bertolak ansur, bertanggungjawab, bekerjasama dan meningkatkan kualiti diri sendiri.

Sebagai contoh, walaupun ibu kepada kanak-kanak Jepun didapati amat kurang berinteraksi dengan anak-anak mereka namun mereka mengutamakan penjagaan anak-anak bagi melahirkan ikatan perhubungan emosi antara ibu dengan anak dengan cara melatih anak-anak mereka untuk memahami perasaan orang lain. Ini dilakukan demi menjaga keharmonian antara anak-anak dan rakan-rakan mereka termasuk dengan ahli keluarga masing-masing. Menurut Md Nasrudin, Asmadi dan Rohayati (2008), masyarakat Jepun percaya, apabila setiap orang Jepun menjaga dan memupuk hubungan keharmonian di antara sesama mereka, ia akan akhirnya membawa kepada keharmonian keseluruhan rakyat dan negara Jepun khususnya.

2.11 Rumusan


Berdasarkan huraian mengenai kajian-kajian terdahulu dalam bab 2 ini, boleh dirumuskan bahawa, kebanyakan dari ahli linguistik menyatakan bahawa strategi komunikasi bermaksud berbagai usaha yang diambil untuk membolehkan mesej yang hendak disampaikan dapat difahami oleh si penerima mesej. Perkara ini selalunya berlaku dalam situasi yang dihadapi oleh penutur bahasa kedua iaitu seperti mana yang telah dinyatakan oleh Selinker (1972), Varadi (1973) dan Corder (1983:17). Bagaimanapun Tarone (1981) dan Corsaro (1986) pula mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan dengan strategi komunikasi.

Tarone (1981) memberikan makna strategi komunikasi sebagai usaha antara dua interlocutor untuk menyetujui maksud dalam sesuatu situasi di mana struktur makna yang diperlukan tidak dikongsi. Beliau menyatakan bahawa strategi-strategi komunikasi ini terdiri daripada strategi pengelakan iaitu pengelakan topik dan peninggalan mesej; parafrasa seperti penghampiran, penciptaan perkataan baru dan penghuraian; pemindahan secara sedar seperti penukaran kod bahasa dan terjemahan literal; rayuan kerjasama serta penggunaan isyarat (*non verbal*). Corsaro (1986) telah memberikan beberapa strategi komunikasi yang telah berlaku semasa kanak-kanak bermain dalam suasana yang semulajadi dan tanpa dirancang (*Naturalistic Play Content*). Antaranya adalah paralinguistik, keterangan tentang perbuatan, pengulangan, ikatan semantik, meminta perhatian, arahan dan kata atau frasa tempelan.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji mendapati bahawa Corder (1983) menfokuskan kajian strategi komunikasi berdasarkan pandangan pelajar bahasa kedua manakala Varadi (1973) melihat strategi komunikasi bagi dua kumpulan orang dewasa yang belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua manakala Vygotsky (1978) melihat konsep bermain sambil belajar dalam kajiannya.

Fokus telah diberikan terhadap gaya dan stail berkomunikasi kanak-kanak dan masyarakat Jepun. Ini termasuklah aspek-aspek kesopanan yang dipraktikkan oleh masyarakat Jepun. Selain daripada itu beberapa kajian terdahulu oleh pakar sociolinguistik tentang panggilan nama diri bagi kanak-kanak Jepun telah juga dilihat. Akhir sekali hasil kajian lalu tentang beberapa pandangan dan harapan ibubapa mengenai sikap dan perilaku anak-anak dalam masyarakat Jepun juga telah dibincangkan.

Sebagai rumusan hasil daripada penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, perbandingan kajian ini dengan kajian-kajian lepas telah dipaparkan dalam Rajah 2.2. Dalam rajah ini aspek kajian menunjukkan terdapat kaitan antara strategi komunikasi, pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak dengan pengaruh budaya.



Rajah 2.2: Kedudukan Perbezaan Kajian Ini

Merujuk kepada Rajah 2.2, kajian ini memfokuskan kepada aspek strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah Jepun di Malaysia. Dalam kajian ini juga, penulis melihat perkaitan aspek budaya Jepun iaitu aspek keharmonian

dalam strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini. Ini bermakna berbeza dengan kajian Burdelski (2010) yang melihat aspek kesopanan, penulis melihat aspek strategi komunikasi melalui proses sosialisasi kanak-kanak prasekolah Jepun.

Kajian-kajian lain seperti yang ditunjukkan merupakan kajian-kajian yang mempunyai hubungan tidak secara langsung dengan kajian ini. Ini ditunjukkan dengan perkaitan antara aspek kajian ini yang membincangkan tentang kanak-kanak dalam aspek komunikasi mereka manakala pengkaji lain melihat aspek perkembangan dan pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak. Kajian tentang bahasa dan pengaruh persekitaran dan budaya juga mempunyai perkaitan dengan kajian ini di mana aspek nilai-nilai keharmonian dalam komunikasi kanak-kanak mempunyai hubungan dengan kajian yang dijalankan mereka contohnya aspek kesopanan dalam kajian Burdelski (2010). Selain itu, berdasarkan kajian-kajian terdahulu didapati bahawa kajian tentang strategi komunikasi juga dijalankan terhadap pelajar sekolah atau universiti walaupun kebanyakannya melihat dalam aspek bahasa kedua.

Merujuk kepada perbezaan kajian strategi komunikasi yang telah dijalankan oleh kajian-kajian yang terdahulu, penulis melihat kepada strategi komunikasi kanak-kanak Jepun yang mempunyai kaitan dengan sistem pendidikan tadika Jepun. Selain daripada itu, berdasarkan dapatan kajian ini, pendapat ibubapa Jepun mengenai anak-anak mereka juga dibincangkan dalam kajian ini. Kebanyakan daripada hasil kajian-kajian terdahulu lebih cenderung kepada prespektif budaya pemikiran Barat. Walaubagaimanapun, kajian ini mengaitkan aspek keharmonian dengan strategi

komunikasi kerana keharmonian adalah satu aspek penting dalam budaya masyarakat dan sistem pendidikan prasekolah Jepun.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan perkara-perkara tentang rekabentuk kajian, instrumen yang akan digunakan, latar belakang responden serta sedikit sebanyak tentang corak pendidikan prasekolah Jepun yang menjadi lokasi kajian. Selain itu bab ini juga meliputi prosedur kajian yang akan dijalankan, kerangka transkripsi untuk merakam ujaran dan kerangka analisis yang akan digunakan sebagai garis panduan untuk mengkaji dan menganalisis hasil dapatan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data yang berkaitan dengan komunikasi iaitu yang melibatkan interaksi perbualan secara semula jadi. Menurut Chua (2006), banyak unsur seperti emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan tertentu adalah lebih sesuai diselidik melalui kajian kualitatif kerana unsur-unsur ini tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif sahaja. Perkara ini juga disokong oleh Alan dan Robert (1999) dipetik dalam Sabitha Marican (2005) yang menyatakan bahawa kualitatif memberikan pendekatan yang mempunyai sentuhan emosi ke atas persekitaran atau pembolehubah yang dikaji. Selain daripada itu, kajian berbentuk kualitatif juga dapat memberikan satu pendekatan yang holistik dan menjelaskan fenomena personal dan interpersonal yang memang sukar untuk

digambarkan dalam penulisan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif juga digunakan di dalam kajian ini namun penggunaannya hanya tertumpu kepada melihat kekerapan penggunaan strategi komunikasi kanak-kanak Jepun.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian dan untuk mengukuhkan lagi data, rakaman video dan audio juga diambil sebagai '*back up*'. Dalam kajian yang berkaitan dengan kanak-kanak ini, kajian berbentuk pemerhatian naturalistik (*Naturalistic Observation*) dipilih kerana ia satu kaedah yang paling sesuai untuk mengumpul data dalam situasi yang berlangsung secara semulajadi. Ini seperti mana yang dikatakan oleh Rolfe (2001) dipetik dalam Mukherji (2009) bahawa, pemerhatian adalah berguna ketika penyelidik-penyelidik hendak memahami atau menerangkan perilaku harian atau untuk menyelidik sesuatu kesan ke atas perilaku harian itu.

Menurut Rolfe (2001) dalam Mukherji (2009), selalunya, penggunaan cara pemerhatian bagi kajian ke atas kanak-kanak pada awal usia dan bayi ini, mungkin merupakan satu-satunya cara untuk mendapatkan informasi kerana pada tahap umur ini, terdapat kemungkinan bahawa kanak-kanak masih kekurangan kemahiran berkomunikasi yang diperlukan untuk ditemubual atau untuk mengisi borang soal selidik. Sungguhpun begitu, selain daripada metodologi berbentuk pemerhatian, soal selidik yang ringkas juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas dari ibu (responden kedua) kanak-kanak prasekolah yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi

jawapan dalam hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada kumpulan responden pertama (kanak-kanak).

3.3 Latarbelakang Responden

Kumpulan responden pertama yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini adalah seramai 24 orang. Kanak-kanak Jepun prasekolah ini berumur antara 3 hingga 6 tahun. Pada peringkat umur ini kanak-kanak berkemampuan untuk memahami dan dapat berinteraksi dengan rakan mereka dengan baik. Kanak-kanak yang mendaftar di prasekolah ini dipilih sebagai responden kajian kerana mereka memenuhi objektif kajian dan kriteria untuk dikaji. Di antara 24 orang kanak-kanak yang terlibat secara langsung, terdapat dua orang kanak-kanak yang berlatarbelakangkan perkahwinan campur iaitu Cina (Malaysia)-Jepun dan Korea-Jepun. Kesemua kanak-kanak ini bersekolah di prasekolah tersebut kerana ibu bapa mereka bekerja di syarikat-syarikat Jepun di sekitar Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya. Prasekolah Jepun di Kuala Lumpur ini menjadi lokasi utama untuk ibu atau bapa kanak-kanak menghantar anak mereka untuk mendapatkan pendidikan awal mereka. Latar belakang umur dan gender kumpulan responden kanak-kanak ini ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 Latar belakang Responden Pertama

| Responden Kanak-kanak Lelaki (B) | Umur | Bangsa / Warganegara | | Responden Kanak-kanak Perempuan (G) | Umur | Bangsa / Warganegara | |
|---|-------------|---------------------------------|-------|--|-------------|---------------------------------|-------|
| | | Ibu | Bapa | | | Ibu | Bapa |
| 1. B1 | 3 | Jepun | Jepun | 14. G1 | 6 | Jepun | Jepun |
| 2. B2 | 5 | Jepun | Jepun | 15. G2 | 6 | Jepun | Jepun |
| 3. B3 | 5 | Jepun | Jepun | 16. G3 | 6 | Jepun | Jepun |
| 4. B4 | 5 | Jepun | Jepun | 17. G4 | 4 | Jepun | Jepun |
| 5. B5 | 5 | Jepun | Jepun | 18. G5 | 6 | Jepun | Jepun |
| 6. B6 | 5 | Jepun | Korea | 19. G6 | 6 | Jepun | Jepun |
| 7. B7 | 6 | Jepun | Jepun | 20. G7 | 6 | Jepun | Jepun |
| 8. B8 | 5 | Jepun | Jepun | 21. G8 | 5 | Jepun | Jepun |
| 9. B9 | 6 | Jepun | Jepun | 22. G9 | 4 | Jepun | Jepun |
| 10. B10 | 6 | Cina (Malaysia) | Jepun | 23. G10 | 4 | Jepun | Jepun |
| 11. B11 | 4 | Jepun | Jepun | 24. G11 | 6 | Jepun | Jepun |
| 12. B12 | 5 | Korea | Jepun | | | | |
| 13. B13 | 5 | Jepun | Jepun | | | | |

Sumber: Kajian ini

Dalam kajian ini juga, 9 orang ibu kepada kanak-kanak prasekolah Jepun telah dikenalpasti sebagai responden kedua bagi menjalankan soal selidik. Ibu-ibu ini dipilih berdasarkan proses pemilihan yang dibuat oleh pihak prasekolah iaitu ibu-ibu yang mudah dihubungi dan mempunyai hubungan secara langsung dengan guru prasekolah dalam aktiviti-aktiviti lain di prasekolah tersebut. Latar belakang terperinci tentang kumpulan responden kedua ini ditunjukkan di dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 Latar belakang Responden Kedua (bu-Ibu))

| Responden Kedua (Ibu) | Umur Anak | Gender Anak | Bangsa / Warga negara Ibu - Ayah |
|------------------------------|------------------|--------------------|---|
| N1 | 5 | perempuan | Jepun-Jepun |
| N2 | 5 | lelaki | Jepun-Korea |
| N3 | 4 | perempuan | Jepun-Jepun |
| N4 | 4 | lelaki | Jepun-Jepun |
| N5 | 6 | perempuan | Jepun-Jepun |
| N6 | 6 | perempuan | Jepun-Jepun |
| N7 | 6 | perempuan | Jepun-Jepun |
| N8 | 3 | lelaki | Jepun-Jepun |
| N9 | 3 | perempuan | Jepun-Jepun |

Sumber: Kajian ini

3.4 Latar belakang Prasekolah Jepun

Menurut penolong Pengetua Prasekolah, prasekolah ini merupakan prasekolah yang bernaung di bawah Kelab Jepun di Malaysia. Keutamaan adalah diberikan kepada anak-anak rakyat berbangsa Jepun yang bekerja dengan syarikat-syarikat Jepun yang mendaftar sebagai ahli kelab ini. Prasekolah ini mula beroperasi sekitar tahun 1997 dengan menumpukan kepada ahli-ahli kelab Jepun itu sendiri. Prasekolah yang mempunyai 8 orang tenaga pengajar berbangsa Jepun ini terletak di pinggir Lembah Kelang. Prasekolah ini mula beroperasi pada pukul 9.30 pagi dan tamat pada pukul 3 petang dengan waktu rehat dari jam 12 tengah hari hingga 1 tengahari dan waktu untuk bermain sehingga jam 2 petang. Prasekolah Jepun ini (sewaktu kajian ini dijalankan), hanya menerima kanak-kanak Jepun untuk bersekolah di sini. Ini termasuklah kanak-kanak dari keluarga hasil perkahwinan warganegara Malaysia dan Jepun mahupun warga Jepun dengan warga dari negara lain.

Beberapa maklumat tentang latarbelakang prasekolah telah diperoleh daripada pihak pengurusan prasekolah. Berdasarkan maklumat yang diberikan, konsep

pendidikan prasekolah ini adalah berdasarkan gabungan konsep pendidikan Montessori dengan cara pendidikan Jepun sebagai asas pendidikan. Menurut pengetuanya, Cik Ogawa Hiroko, objektif pendidikan di sini adalah bertujuan untuk berusaha memupuk semangat bagi membolehkan kanak-kanak di sini berdikari dan boleh bersosiolisasi dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka. Kelas-kelas di prasekolah ini telah disusun atur mengikut pembahagian senioriti dan di dalam suasana perhubungan yang sangat akrab. Kanak-kanak yang lebih muda dididik dan diterapkan dengan pertalian perhubungan yang sangat erat dan baik di antara mereka. Mereka juga sentiasa dipupuk dengan rasa hormat pada yang lebih dewasa, baik terhadap guru-guru mahupun terhadap rakan-rakan '*senior*'. Kelas-kelas di sini, dibahagikan kepada tiga jenis iaitu, '*senior class*' yang berumur antara 5 tahun hingga 6 tahun, '*middle class*', 4 hingga 5 tahun dan '*junior class*' antara 3 hingga 4 tahun.

Selain mendapatkan maklumat dari pihak prasekolah, penulis turut bertanya kepada guru dan memerhati beberapa aktiviti pembelajaran yang berlangsung sebagai sumber maklumat bagi latar belakang prasekolah. Dari segi bentuk pembelajaran pula, antara perkara atau bidang yang dipelajari adalah mengira, melukis, muzik, budaya dan sejarah Jepun serta alam geografi berdasarkan persekitaran mereka. Selain itu, mereka juga diajar secara tidak langsung cara bercakap dengan bahasa dan adab yang betul. Dalam kes ini, sekiranya ada antara kanak-kanak ini yang sudah mahir bertutur, mereka akan dilatih untuk menulis huruf-huruf Jepun dan seterusnya menulis perkara-perkara yang asas dan mudah. Proses ini akan berterusan sehingga menjadi kebiasaan atau rutin harian. Latihan mengenai aktiviti-aktiviti seharian juga menjadi satu perkara yang penting untuk dipelajari di kalangan kanak-kanak Jepun di prasekolah ini. Contohnya,

membasuh tangan sebelum, selepas makan dan sesudah keluar dari tandas, membasuh bekas makanan dan minuman sendiri serta menyalin atau mengenakan pakaian sendiri.

Di samping itu, berdasarkan maklumat yang telah diperoleh daripada pihak prasekolah, pendidikan di sini lebih menerap minat dan kecenderungan kanak-kanak itu sendiri. Ini bermaksud kanak-kanak di dalam kelompok usia mereka akan diberi peluang membuat pilihan mereka sendiri tentang subjek atau perkara yang ingin dipelajari pada sesuatu waktu itu. Mereka bebas memilih perkara yang hendak dipelajari sepanjang sesi pelajaran berlangsung sehingga tamat waktu belajar. Selain itu, pendidikan di prasekolah ini juga menggalakkan kanak-kanak yang lebih dewasa membantu yang lebih muda dalam pelbagai hal, contohnya menunjuk ajar cara memotong kertas, membawa sesuatu barang, memakaikan pakaian dan lain-lain lagi.

Menurut Yamada (2004), proses perkembangan minda dan jati diri akan berlaku dengan sendiri dan semulajadi. Beliau menyatakan bahawa dalam rangka untuk mendorong sifat sendiri anak-anak, ibu-ibu Jepun membiarkan anak-anak mereka membuat keputusan sendiri mengenai masalah-masalah peribadi seperti aktiviti rekreasi, pakaian, dan rakan-rakan. Perkara utama di prasekolah adalah cara untuk hidup berdikari, cara berhubungan dengan orang lain iaitu dengan memupuk nilai-nilai murni seperti menjaga perasaan orang lain, menjaga adab ketika melakukan sesuatu perkara dan sebagainya.

3.5 Kerangka Transkripsi

Sebuah kerangka yang mudah dan bersesuaian dengan ujaran kanak-kanak Jepun bagi kajian ini telah dibina. Tanda intonasi yang tinggi, tanda suara yang kuat dan noktah (berhenti) telah diambil dari kerangka transkripsi Jefferson, manakala yang lain telah diubah suai mengikut kesesuaian responden kajian ini yang lebih banyak menggunakan tanda-tanda yang lain daripada yang digunakan oleh Jefferson.

Jadual 3.3: Kerangka Transkripsi

| | |
|-------|----------------------------------|
| ! | Suara yang kuat |
| !! | Suara yang lebih kuat |
| — | Intonasi mendatar |
| ↑ | Intonasi tinggi |
| ↑↑ | Suara yang kuat seperti menjerit |
| | Jeda atau berhenti seketika |
| ? | Butiran data tidak jelas |
| . | Titik noktah (berhenti) |
| } | Perbualan bertindih |

Sumber: Olahan dari Jefferson dan sumber kajian ini

Transkripsi telah dilakukan bersama-sama dengan tiga orang guru Prasekolah Jepun iaitu Puan O, Cik R dan Cik K secara bergilir-gilir. Oleh kerana pertuturan antara kanak-kanak Jepun dalam kajian ini berlangsung secara pantas, penulis bersama dengan guru-guru Jepun tersebut mendengar semula rakaman yang diambil selama beberapa kali bagi menghasilkan transkripsi kajian. Guru-guru Jepun ini berperanan untuk mengesahkan data transkripsi yang diperolehi oleh penulis.

3.6 Kerangka Analisis

Dalam kajian ini satu kerangka analisis berdasarkan Model Corsaro (1986) telah dibina sebagai panduan untuk menganalisis strategi komunikasi lisan. Walau bagaimanapun, beberapa faktor dalam model ini telah ditambah atau di keluarkan mengikut kesesuaian konteks latarbelakang dan budaya subjek kajian. Model Corsaro mengkaji strategi komunikasi kanak-kanak penutur bahasa pertama dalam suasana bermain yang semula jadi. Penulis mendapati kajian yang dilakukan oleh Corsaro mempunyai banyak persamaan dengan kajian ini. Beberapa strategi komunikasi yang telah berlaku semasa kanak-kanak bermain dalam suasana yang semulajadi dan tanpa dirancang (Naturalistic Play Content) telah diperoleh dari kajian Corsaro (1986). Antara strategi-strategi yang telah di temui oleh Corsaro adalah seperti berikut:

Jadual 3.4: Strategi Komunikasi Lisan Model Corsaro (1986)

| Strategi Komunikasi Lisan | Ciri-ciri |
|---------------------------------------|--|
| 1.Paralinguistik | Isyarat paralinguistik adalah perubahan dalam intonasi dan 'pitch' untuk menandakan fantasi dan animasi objek, dan juga melibatkan penggunaan pretensi (berpura-pura) dan suara tinggi dan rendah untuk menandakan berlakunya peranan. Contohnya, apabila seseorang itu marah, dia akan meninggikan suaranya sebaliknya apabila seseorang itu sangat marah, dia mungkin akan bercakap dengan perlahan satu persatu perkataan tetapi dengan penekanan suara yang sangat tinggi. |
| 2.Keterangan tentang Perbuatan | Kenyataan deklaratif ke atas kegiatan yang sedang berlangsung atau memberitahu dengan jelas tentang tindakan masa lalu atau masa depan |
| 3.Pengulangan | Mengulangi ucapan sendiri atau ucapan pasangan. |
| 4. Ikatan Semantik | Ikatan semantik adalah menambah unsur-unsur semantik baru kepada kesemua sumbangan rakan sebelumnya. |
| 5.Meminta perhatian | Pertuturan yang digunakan untuk mendapatkan perhatian pasangan. Ini termasuk panggilan nama pasangan, atau menggunakan ekspresi seperti "Hei"! atau "Lihat"!. |
| 6. Arahan | Kenyataan yang digunakan untuk mengawal tindakan pasangan atau orang lain. Arahan juga boleh digunakan dalam lakonan atau permainan olok-olok. |
| 7.Kata atau Frasa Tempelan | (yang ditambahkan kepada ayat untuk memberi penegasan) Perkataan yang diletakkan pada hujung giliran perbualan untuk mendapatkan respons atau pengakuan. Contohnya: Betul kan, Jangan lah. |

Sumber: Corsaro (1986)

Pada peringkat permulaan, penulis telah merujuk kepada Model Corsaro (1986) bagi melihat strategi komunikasi lisan dari kalangan kanak-kanak. Ini adalah kerana kajian Corsaro adalah berdasarkan kajian ke atas kanak-kanak. Walau bagaimanapun, oleh kerana model Corsaro adalah berdasarkan kajian kanak-kanak yang berlainan latar belakang dan budayanya dengan kanak-kanak Jepun dalam kajian ini, kerangka analisis untuk kajian ini telah dibangunkan dengan merujuk kepada model Corsaro dan disesuaikan dengan hasil dapatan transkripsi yang diperolehi iaitu seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Kerangka Analisis Strategi Komunikasi Lisan

-
- | | |
|--|--|
| <p>1. Pertanyaan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Memberi pendapatii. Mendapatkan kepastianiii. Mendapatkan sokonganiv. Menjaga perasaanv. Mendapatkan informasi (secara langsung) | <p>5. Pengulangan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mendapatkan responsii. Menegaskan tentang sesuatu perkara. |
| <p>2. Panggilan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Penggunaan nama pertama (tentang diri sendiri) di awal atau hujung ayatii. Penggunaan kata ganti nama pertama | <p>6. Gelaran Negatif: Melabel dengan perkataan yang negatif ketika marah.</p> |
| <p>3. Bantahan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Membantah dengan memberi amaranii. Membantah dengan membuat tuduhaniii. Membantah dengan membuat penegasan | <p>7. Penggunaan 'Malaysian English': Penggunaan 'one' dan 'lah' di hujung ayat bahasa Inggeris.</p> |
| <p>4. Permintaan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Meminta sesuatuii. Meminta keizinan melihatiii. Meminta bantuan | |
-

Sumber: Data Kajian

Bagi strategi komunikasi bukan lisan, model komunikasi Berko, Wolvin & Wolvin (1992) telah digunakan sebagai kerangka analisis (Jadual 3.6) untuk melihat penggunaan komunikasi bukan lisan di kalangan kanak-kanak Jepun di prasekolah ini. Oleh sebab konteks komunikasi bukan lisan mempunyai skop yang sangat luas, maka skop kajian ini dilihat dalam aspek bahasa tubuh dan *paralanguage* sahaja.

**Jadual 3.6: Model Komunikasi Bukan Lisan Berko, Wolvin & Wolvin:
Bahasa Tubuh dan *Paralanguage***

| Komunikasi Bukan Lisan | Ciri-ciri |
|---|---|
| Bahasa Tubuh: | |
| 1. <i>Emblems</i> (Lambang) | Mempunyai terjemahan lisan secara langsung. Contohnya: Membuat bentuk bulatan dengan menggunakan ibu jaridan jari telunjuk sambil ketiga-tiga jari yang lain ditegakkan. Ini menunjukkan semuanya OK, atau tidak ada masalah. |
| Biasanya digunakan oleh orang yang cacat pendengaran, pekerja di belakang tabir syarikat penyiaran dan penyelam skuba. | |
| 2. <i>Illustrators</i> | Gerak-geri yang ditunjukkan berserta dengan ujaran. Contohnya: <i>Illustrators</i> digunakan untuk menunjuk kepada sesuatu objek, sesuatu arah jalan atau sesuatu hubungan jarak. |
| 3. Pengaruh paparan (<i>Affect Displays</i>) | Ekspresi muka (<i>facial expression</i>) atau air muka yang menunjukkan emosi dan perasaan seperti sedih atau gembira. Contohnya: Air muka yang masam, mengerdip mata, meninggi atau merendahkan kelopak mata atau alis mata. |
| 4. <i>Regulators</i> | Bahasa bukan lisan yang mempertahankan dan mengawal pergerakan perbualan dan pendengaran untuk menggalakkan atau tidak menggalakkan perbualan. Contohnya: Anggukan kepala, pergerakan mata, dan pergerakan badan, pergerakan tangan. |
| 5. <i>Adaptors</i> | Pergerakan yang mengendalikan emosi : seperti menunjukkan kegelisahan, kebosanan, menyatakan perasaan. Contohnya: Tangan dan kaki, pergerakan lidah, pergerakan kaki yang menendang dan jari-jari mengetuk meja. |
| <i>Paralanguage:</i> | |
| 1. Isyarat vokal | Contohnya: kadar kelajuan, kekuatan suara, intonasi dan nada suara, jeda (berhenti) dan stres bunyi. Contoh lanjut: Apabila seseorang itu marah, intonasi suaranya meninggi. Ketika memberi ucapan dengan suara yang sekejap perlahan dan sekejap kuat, nada yang terlalu mendatar dengan suara yang terhenti tidak pada tempatnya mungkin menunjukkan ketidakpastian, kemurungan dan tidak mempunyai keyakinan diri. |

Sumber: Berko, Wolvin & Wolvin (1992)

Selain itu, kajian ini juga melihat aspek keharmonian dalam strategi komunikasi lisan responden kanak-kanak Jepun. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), keharmonian didefinisikan sebagai keadaan harmoni, keselarasan, kesesuaian dan kemesraan. Dalam konteks masyarakat Jepun, konsep keharmonian ditekankan dalam perhubungan antara manusia. Kajian ini telah menggunakan nilai-nilai keharmonian yang telah digariskan oleh Lebra (1973); Befu (1986); Vogel (1963); Md. Nasrudin,

Asmadi dan Rohayati (2008) untuk melihat sama ada terdapat penerapan nilai-nilai keharmonian di kalangan kanak-kanak Jepun prasekolah. Secara terperinci nilai-nilai keharmonian ini akan dilihat berdasarkan seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.7.

Jadual 3.7: Ciri-ciri Nilai Keharmonian

| Nilai-nilai Keharmonian | Ciri-ciri |
|--------------------------------|---|
| 1. Omoiyari atau Empati | Kemampuan dan kesediaan untuk merasakan apa yang orang lain rasakan atau melatih membuat pertimbangan terhadap perasaan orang lain. Menghormati hak orang lain. |
| 2. Bertolak-ansur | Haruslah bersikap tolak ansur dengan yang lebih muda. Ini kerana golongan yang lebih muda dianggap masih mentah dan tidak faham tentang sesuatu perkara. Ini dapat mengelak dari berlaku pergaduhan dan menunjukkan sikap mengalah. |
| 3. Berdisiplin | Menjadi orang yang bertanggungjawab.(contohnya- menepati masa supaya tidak menyusahkan orang lain) |
| 4. Bekerja sama | Dapat dilihat melalui gerak kerja berkumpulan dalam aktiviti harian. |
| 5. Tatemai | Menunjukkan tingkah laku atau mengeluarkan pertuturan yang mungkin bertentangan dengan perasaan sebenar pada masa itu, tetapi sejajar dengan apa yang telah ditetapkan dan dikehendaki oleh masyarakat. |
| 6. Hormat dan sopan | Menggunakan bahasa-bahasa (ayat) sopan seperti <i>des-masu</i> . Menundukkan kepala ke bawah (atau ke hadapan) sedikit. |

Sumber : Diperolehi daripada pelbagai sumber yang disesuaikan berdasarkan kajian ini : Lebra,1973; Befu, 1986; Vogel, 1963; Md. Nasrudin, Asmadi dan Rohayati, 2008, Lau (2006) dan Niyekawa (1991).

3.7 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama iaitu kaedah pemerhatian dimulakan dengan menyampaikan hasrat untuk menjalankan kajian kepada pihak prasekolah secara lisan. Seterusnya, hasrat ini disampaikan secara formal iaitu melalui surat. Setelah mendapat keizinan untuk menjalankan kajian, penulis memulakan proses pemerhatian selepas perbincangan dan perancangan dilakukan bersama dengan guru prasekolah. Penulis mengambil masa selama 3 hari dalam minggu yang pertama untuk berada dan membuat pemerhatian menggunakan kamera tanpa

mengambil sebarang data untuk membiasakan kanak-kanak dengan kehadiran penulis. Proses pemerhatian yang sebenar telah berlangsung selama 4 minggu berturut-turut. Proses pengambilan data (perbualan) melalui rakaman video dipungut sebanyak 2 kali seminggu. Ini dilakukan sebegitu supaya tidak mengganggu proses perjalanan masa rehat kanak-kanak di sini. Penulis memfokuskan rakaman kepada kanak-kanak yang melakukan aktiviti berkumpulan. Pemerhatian dilakukan dengan memegang kamera dan memfokuskan kepada satu aktiviti berkumpulan pada sesuatu masa yang tertentu. Pemerhatian akan diteruskan kepada kumpulan yang lain apabila aktiviti mereka berakhir. Ini bermakna penulis tidak menahkakan masa untuk rakaman pemerhatian untuk satu aktiviti berkumpulan.

Prasekolah ini memperuntukkan 2 jam waktu rehat yang merangkumi 1 jam masa untuk makan tengahari manakala masa yang selebihnya diperuntukkan untuk kanak-kanak bermain dengan rakan-rakan mereka. Setiap perlakuan dan interaksi sepanjang rakaman video dijalankan berlaku secara spontan dan tidak dikawal atau dirancang. Masa selama 1 jam digunakan untuk memerhati atau merakam reaksi dan interaksi ketika bermain. Data yang diambil ada kalanya didapati tidak mencukupi atau mengalami masalah teknikal seperti bunyi yang terlalu bising sehingga proses transkripsi terpaksa dibatalkan dan data baru terpaksa dipungut. Sehubungan dengan ini, masa yang diambil untuk memungut data keseluruhannya adalah sebanyak 8 jam iaitu selama 4 minggu. 15 sesi rakaman telah berjaya di ambil namun hanya 8 sesi rakaman mempunyai data yang lengkap dan boleh digunakan untuk ditranskripsi.

Data yang dikutip, di transkripsi dengan menggunakan transkripsi Jefferson (1984) yang telah dibina mengikut kesesuaian responden kajian dan diterjemahkan ke

dalam bahasa Melayu. Oleh kerana data diambil ketika masa rehat iaitu semasa makan dan bermain, setiap sesi biasanya mempunyai pelbagai peringkat umur dalam kumpulannya. Hal ini kerana, pada waktu rehat kanak-kanak boleh bebas bermain dengan sesiapa sahaja yang disukai. Prosedur kajian dilakukan mengikut susun atur seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.1.

Untuk bahagian soal selidik, penulis telah mendapatkan maklum balas dari ibu kanak-kanak yang bertujuan untuk mengesahkan atau menyokong beberapa hasil dapatan strategi komunikasi lisan dari bahagian 4.1. Soalan-soalan yang disediakan berbentuk soalan terbuka untuk membolehkan ibu menyatakan reaksi serta pandangan mereka secara bebas tentang anak mereka. Penulis telah membangunkan soalan bagi soal selidik ini berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan keatas kanak-kanak Jepun. Borang soal selidik yang diedarkan telah dilampirkan pada lampiran 4.4. dan telah diedarkan kepada responden kedua iaitu ibu-ibu, selepas hasil dapatan strategi komunikasi lisan diperolehi (4.1).

Responden telah diberikan tempoh masa selama seminggu untuk menyerahkan borang soal selidik yang lengkap kepada pihak prasekolah. Bahasa yang digunakan oleh kesemua responden dalam soal selidik ini adalah bahasa Jepun. Berdasarkan pilihan yang telah dilakukan oleh pihak guru kanan prasekolah iaitu berdasarkan hubungan yang baik antara guru dan ibu-ibu, seramai 9 orang responden kedua (ibu kanak-kanak prasekolah) telah menyerahkan borang maklum balas soal selidik yang lengkap. Tiada kajian rintis dijalankan kerana jadual pihak prasekolah yang padat tidak membolehkan ianya diadakan. Keseluruhan prosedur telah diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

Menyampaikan hasrat kepada pihak prasekolah tentang kajian yang akan dilakukan.



Menyampaikan surat memohon keizinan menjalankan kajian kepada pihak prasekolah Jepun.



Memulakan kajian dengan **teknik pemerhatian** menggunakan kamera video dan rakaman audio selama 1 jam sehari ke atas kanak-kanak Jepun prasekolah ketika bermain di masa rehat.



Menyediakan Transkripsi ke atas data kajian yang diperoleh menggunakan kerangka transkripsi yang dibina berdasarkan kerangka transkripsi Jefferson (1984).



Menganalisis data transkripsi kajian mengikut kerangka analisis (Rajah 3.3) berdasarkan garis panduan dalam strategi komunikasi lisan:

1. **Model Corsaro (1986)**
2. **Model Berko, Wolvin & Wolvin (1992)**
3. **Aspek keharmonian: Md. Nasrudin, Asmadi & Rohayati (2008) dan Lau (2006)**



(selepas menyemak hasil dapatan (2 minggu))

Menyediakan & mengedarkan soalan soal selidik kepada responden kedua melalui guru prasekolah berdasarkan dapatan data.



Mengutip dan Menganalisis hasil dapatan dari soal selidik Untuk tujuan pengukuhan hasil dapatan



Membuat Rumusan Kajian, Implikasi dan Cadangan

Rajah 3.1 : Prosedur kajian

3.8 Pengiraan Kekerapan dan Peratusan bagi Penggunaan Strategi Komunikasi

Kiraan kekerapan dikira seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8. Jumlah kekerapan bagi setiap strategi dikira berdasarkan bilangan strategi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun seperti yang tertera di Lampiran 4-2 iaitu analisis strategi komunikasi berdasarkan gender kanak-kanak Jepun prasekolah.

Jadual 3.8 Pengiraan Kekerapan Dan Peratusan Bagi Setiap Jenis Dan Fungsi Strategi Komunikasi

(Bagi Bahagian III (bab 4.3) dan Bahagian IV (bab 4.4))

1. Umur Kanak-kanak:
 - 3 tahun = 3 - 4 tahun , 4 tahun = 4 - 5 tahun
 - 5 tahun = 5 – 6 tahun , 6 tahun = 6 tahun +
2. Kiraan kekerapan dan peratusan:
 - Kekerapan dikira satu persatu bagi setiap jenis strategi dari Lampiran 4-2
 - Bagi kiraan kekerapan mengikut fungsi, responden yang sama dalam strategi yang sama adalah dikira berasingan.
 - Bagi kiraan kekerapan mengikut gender dan umur, responden yang sama, samada menggunakan fungsi yang sama atau berbeza di dalam satu strategi adalah dikira sebagai seorang sahaja.
 - Kiraan peratus bagi setiap data adalah :
 - $\frac{\text{Bilangan jenis fungsi Strategi Komunikasi (SK)}}{\text{Jumlah Keseluruhan (jenis atau fungsi Strategi Komunikasi)}} \times 100$
 - Nilai peratusan di dalam perbincangan akan memaparkan jumlah peratusan kepada nombor bulat yang paling hampir.(contoh: 38.89%= 39%, 61.11%=61%)

3.9 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini menerangkan mengenai metodologi yang akan digunakan di dalam kajian ke atas 24 orang kanak-kanak Jepun prasekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu melalui teknik pemerhatian menggunakan rakaman video serta mengkaji komen ibu-ibu melalui soal selidik untuk mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil dapatan. Selain daripada itu kajian ini juga menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pengiraan peratusan untuk melihat kekerapan penggunaan strategi komunikasi lisan berdasarkan gender kanak-kanak. Untuk menganalisis strategi komunikasi, penulis telah menghasilkan satu kerangka komunikasi lisan yang baru berdasarkan ubahsuaian dari model komunikasi Corsaro (1986). Ini dilakukan untuk menyesuaikan dengan hasil dapatan transkripsi yang diperolehi. Model Corsaro telah dipilih kerana bersesuaian dengan kajian ini yang melihat aspek komunikasi oleh kanak-kanak sebagai responden kajian.

Walaupun aspek yang menjadi tumpuan utama dalam kajian ini adalah aspek komunikasi lisan, aspek komunikasi bukan lisan yang berdasarkan model Berko, Wolvin & Wolvin (1999) juga akan dilihat di dalam kajian ini,. Selain daripada itu sebagai tambahan untuk kajian ini, penulis juga akan melihat sama ada terdapat unsur keharmonian di dalam komunikasi kanak-kanak. Ini adalah berdasarkan kajian yang telah diperolehi oleh Tobin, Wu & Davidson (1989) bahawa antara perkara paling penting untuk dipelajari oleh kanak-kanak prasekolah adalah empati atau '*omoiyari*' iaitu kesediaan dan kebolehan merasai apa yang dirasai oleh orang lain. Menurut Lebra (1973), aspek empati ini, adalah antara nilai-nilai keharmonian yang dikatakan telah diterapkan sejak usia kanak-kanak lagi. Kajian ini menggunakan ciri-ciri keharmonian

yang diberikan oleh Lebra, 1973; Befu, 1986; Vogel, 1963; Md.Nasrudin, Asmadi dan Rohayati, 2008 yang telah diadaptasikan untuk kajian ini iaitu seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.4.